

قَتِيْقِن تِيْتِه

PETIKAN TITAH

"Di sini suka juga beta mengingatkan, supaya semua pihak mempunyai rasa tanggungjawab untuk memelihara alam sekitar, menjadikannya menarik dan bersih, tidak terdapat sampah sarap yang berselerak, terutama di tempat-tempat membeli-belah, pasar-pasar, termasuk juga pasar tamu dan pasar tani. - Titah Sempena Menyambut Perayaan Ulang Tahun Ke-23 Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada 5 Safar 1428 Hijrah / 23 Februari 2007 Masihi.



Pelita BRUNEI

كَلْبَرِيْتِه

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مَانِيْسْنِ اِيْمَان

MANISNYA IMAN

"KATAKANLAH : Sesungguhnya aku banyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu ialah Tuhan yang Maha Esa maka sesiapa yang mengharapakan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah dia mengerjakan amalan soleh dan janganlah dia mempersekutukan Tuhannya dengan sesiapa pun dalam beribadat kepada-Nya." - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Kahfi ayat 110.

Waktu Sembahyang

IMSAK 5.06 SUBUH 5.16 SYURUK 6.36 DUHA 7.00 ZUHUR 12.35 ASAR 3.56 MAGHRIB 6.31 ISYAK 7.43

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 62 / BILANGAN 14

1 FEBRUARI 2017 / 1438 جمادى الأولى 4

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi di Istana Nurul Iman.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said,
Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 31 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi yang sedang berada di Negara Brunei Darussalam dalam rangka lawatan rasmi.

Semasa Majlis Mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri Malaysia telah berbincang mengenai isu-isu dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.

Menyertai bersama Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri Malaysia pada Majlis Mengadap itu ialah Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Datuk Ghulam Jelani bin Khanizaman.

Turut hadir pada Majlis Mengadap tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng; Menteri Tenaga dan Perindustrian di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar dan Timbalan Menteri (Keselamatan dan Media) di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar.

Majlis tersebut telah berlangsung di Istana Nurul Iman.

Pendekatan *delivery* pastikan matlamat negara dicapai

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 Januari. - Kerjasama sektor awam dan swasta adalah penting dalam menguruskan cabaran yang dibawa oleh trend geopolitik dan ekonomi baru-baru ini.

Oleh itu, saranan bagi kami untuk bekerja secara berkesan bersama-sama 'seluruh negara', untuk memastikan kita menyedari Wawasan Brunei 2035 bagi faedah yang berkekalan untuk semua rakyat Brunei, sama ada sekarang atau pada masa akan datang.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka

Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Pengerusi dan Sponsor Jawatankuasa Pandu PENGGERAK bersabda demikian pada Sesi Pembukaan Program Brunei Top 100 Leaders (B100) Kali Ke-2 berlangsung di JPM, di sini.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee

Billah dalam sabdanya menekankan hubungan kerja yang padu dan harmoni di antara kedua-dua pihak akan menghasilkan sinergi yang lebih besar, dan saling memahami kekuatan dan keperluan masing-masing.

"Kita mesti bekerjasama untuk lebih meningkatkan dinamik dan kemakmuran negara kita.

Oleh itu, saya menyeru kepada semua peserta untuk menggunakan sepenuhnya platform B100 ini untuk perbincangan yang bermanfaat dan membina; dan belajar daripada satu sama lain untuk membina rangkaian di dalam kerajaan dan juga di seluruh jurang sektor awam dan swasta," tegas Duli Yang Teramat Mulia.

DYTM seterusnya menjelaskan, Program B100 ini berpusat di sekitar pendekatan *delivery* yang pada dasarnya adalah untuk menterjemahkan rancangan masa kini menjadi nyata, tindakan memberi impak. Ini adalah untuk memastikan kita mencapai matlamat utama negara kita : Wawasan Brunei 2035.

"Pencapaian jelas kaedah ini tidak

boleh diabaikan," tegasnya lagi.

Dalam sabdanya, DYTM menegaskan sekali lagi titah paduka ayahandanya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan

Tahun Baharu 2017.

Ke atas ekonomi, melalui kerja keras dan komitmen Champion Groups, pembaharuan telah dilaksanakan untuk meningkatkan Ease of Doing Business di Brunei.

Ke muka 4



Muka 3

Berkenan mengadakan Majlis Santap Malam



Muka 6

Brunei - Malaysia bincangkan isu dua hala

IKUTI KAMI DI



infodept.bn



@Infodept_bn



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

E-mel: pelita.brunei@information.gov.bn

Hotline: 2382891 / 2383400 Smb: 217

Faksimile: 2381004

Layari Laman Web: www.pelitabrunei.gov.bn

Laksanakan tugas dengan jujur dan amanah

ALHAMDULILLAH, marilah kita sama-sama memanjatkan syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, kita dapat berkumpul pada pagi ini sempena Majlis Mengangkat Sumpah Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan, Tahun 2017-2018.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh, Pengerusi Lembaga Pengarah Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan dan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah atas lantikan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Sekolah Menengah Chung Hwa bagi Tahun 2017-2018. Saya penuh berharap semoga Ahli-Ahli Lembaga Pengarah yang baru dilantik akan dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan jujur dan amanah berlandaskan peraturan-peraturan yang digariskan mengikut Akta Pendidikan Penggal 210 dan Perlembagaan Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan.

Saya gembira mengetahui bahawa bilangan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah sekarang yang masih muda juga telah bertambah. Perkembangan ini merupakan sesuatu yang positif dan harus diteruskan pada masa hadapan.

Di kesempatan ini juga, saya juga ingin mengucapkan penghargaan kepada mantan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Sesi 2015-2016 yang telah memberikan sumbangan dan khidmat kepada kemajuan Sekolah Menengah Chung Hwa semasa tempoh lantikan mereka. Saya percaya bahawa sumbangan dan pengalaman mereka boleh dimanfaatkan dan diambil sebagai contoh oleh Ahli-Ahli Lembaga Pengarah yang baru dilantik.

Penghargaan juga atas hubungan baik dan rapat antara Lembaga Pengarah Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan dengan Kementerian Pendidikan yang telah terjalin sejak sekian lama yang mana dengan wujudnya hubungan ini membolehkan kedua-dua pihak memacu perkembangan dan landskap pendidikan di negara ini. Saya juga percaya hubungan dan kerjasama seperti ini telah melahirkan rasa hormat-menghormati dan saling memahami dalam usaha kita sama-sama menghasilkan rakyat yang berkemahiran dan berpendidikan tinggi seperti yang dihasratkan oleh Wawasan Negara 2035.

PENUBUHAN LEMBAGA PENGARAH BAGI SETIAP INSTITUSI PENDIDIKAN SWASTA

Di kesempatan ini, saya ingin menyeru mengenai keperluan bagi setiap institusi pendidikan swasta untuk menubuhkan Lembaga Pengarahnya masing-masing sebagaimana dalam Akta Pendidikan Penggal 210. Pemilihan ahli lembaga yang bersesuaian dan terdiri dari pelbagai latar belakang adalah sangat penting untuk memastikan sesebuah lembaga berfungsi dengan berkesan. Selain daripada berperanan dalam memantau pengurusan pentadbiran kewangan, prasarana dan hal ehwal guru dan pelajar, Lembaga Pengarah juga berperanan sebagai penasihat dalam merangka perancangan strategik dan hala tuju sekolah serta meneroka sumber kewangan bagi tujuan penambahbaikan



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa berucap pada Majlis Mengangkat Sumpah Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan Tahun 2017 - 2018 pada hari Selasa, 19 Rabiulakhir 1438 Hijrah bersamaan 17 Januari 2017 Masihi di Dewan Darussalam, Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan.

dan peningkatan kualiti pendidikan yang ditawarkan. Segala perancangan strategik tersebut hendaklah menjurus kepada pencapaian visi dan misi institusi.

Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab dalam memastikan kadar risiko bagi mana-mana aktiviti yang dilaksanakan tidak memudaratkan mana-mana pihak. Kebajikan warga sekolah perlu diambil kira dan tidak akan diabaikan. Ini bertujuan bagi memastikan dan mengutamakan perhatian diberikan kepada pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya bagi pencapaian para pelajar sekolah sentiasa di tahap yang tinggi.

PENCAPAIAN PSR

Saya telah dimaklumkan bahawa pencapaian lulus dalam Penilaian Sekolah Rendah (PSR) Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan bagi tahun 2016 adalah di tahap yang membanggakan, iaitu 88.8% dengan pencapaian pelajar yang lulus Gred 'A' - 'C' adalah 73.44%. Saya berharap pencapaian ini akan sentiasa dipertingkatkan tahun demi tahun.

Seperti juga titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Guru Ke-26 Tahun 2016, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama akan terus bekerjasama dengan Unit PENGGERAK, Jabatan Perdana Menteri dalam usaha meningkatkan pencapaian negara dalam PSR kepada kecemerlangan dan pada tahun ini (2017), sasaran pencapaian bagi Gred 'A' - 'C' adalah 90%. Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan dan semua sekolah swasta di negara ini diharap akan menyumbang kepada pencapaian sasaran ini. Sehubungan ini, saya ingin menyeru pemimpin-pemimpin sekolah swasta akan

dapat menyediakan dan mengatur strategi pengajaran dan pembelajaran bagi tujuan membantu negara mencapai sasaran ini.

Sebagai salah satu usaha meningkatkan tahap kompetensi di dalam bidang literasi dan numerasi, yang mana dihasratkan akan membantu para pelajar untuk mencapai kecemerlangan dalam pembelajaran mereka di peringkat seterusnya, Kementerian Pendidikan telah menghasilkan Piawaian Literasi dan Numerasi (Literacy and Numeracy Standard) bagi peringkat rendah.

Kementerian Pendidikan juga sedang membuat persediaan untuk menyertai Program Penilaian bagi Pelajar-Pelajar Antarabangsa (Programme for International Students Assessment - PISA) pada tahun 2018 yang mana akan melibatkan pelajar berumur 15 tahun di seluruh negara termasuk sekolah-sekolah swasta.

Program PISA menilai kompetensi pelajar berumur 15 tahun dalam Matematik, bacaan Bahasa Inggeris dan Sains setiap tiga tahun. Program ini memfokuskan kepada aplikasi pengetahuan dan kemahiran literasi dan numerasi iaitu dari aspek berfikir kritis, menyelesaikan masalah dan berkomunikasi. Melaluinya kita akan dapat menilai sejauh mana pelajar-pelajar berkemampuan untuk menghadapi *real world challenges*. Dengan itu adalah penting bagi pihak sekolah dan guru-guru menyediakan pelajar-pelajar yang berumur 15 tahun pada tahun 2018 untuk menyertai program ini.

PEPERIKSAAN PERINGKAT 'O' DAN LAIN-LAIN PENCAPAIAN

Sekolah Menengah Chung Hwa telah menjangkau 95 tahun pada tahun ini, dan kita turut gembira semenjak penubuhannya, Sekolah Menengah Chung Hwa telah menunjukkan keupayaan melahirkan para graduan cemerlang yang kini menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara ini. Kejayaan Sekolah Menengah Chung Hwa bukan setakat akademik dalam Peperiksaan GCE 'O' Level sahaja, yang mana bagi tahun 2015, Sekolah Menengah Chung Hwa telah memperoleh pencapaian 70.78% bagi sekurang-kurangnya lima Kredit, tetapi juga dengan bertambahnya tahun demi tahun jumlah pelajar sekolah ini yang menerima Anugerah 'Top 10 In The World', 'Top In Brunei' dan 'Best Across Cambridge 'O' Level'.

Pada tahun lepas, lapan orang pelajar Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan telah menerima anugerah-anugerah tersebut berbanding dengan hanya lima orang pelajar pada tahun sebelumnya. Ini adalah sebagai bukti bahawa pencapaian akademik di Sekolah Menengah Chung Hwa adalah di tahap yang membanggakan. Adalah diharap jumlah penerima bagi anugerah-anugerah tersebut akan meningkat pada tahun ini. Juga harapan saya bagi Sekolah Menengah Chung Hwa Bandar Seri Begawan untuk berperanan menyumbang kepada pencapaian sasaran negara bagi 60% pelajar memperoleh sekurang-kurangnya lima Kredit dalam Peperiksaan GCE 'O' Level bagi tahun ini, di bawah Inisiatif Pendidikan Menengah, Kementerian Pendidikan.

Ke muka 6

Dari Sidang
Pengarang.

1 FEBRUARI 2017 BERSAMAAN 1438 جمادى الأولى 4

PROGRAM B100 PLATFORM PERBINCANGAN BERMANFAAT

PADA tahun ini, Program Brunei Top 100 Leaders (B100) Kali Ke-2 telah menemukan pemimpin-pemimpin yang terpilih dari sektor awam juga swasta dalam sama-sama memikirkan dan menghadapi seterusnya menguruskan cabaran yang dibawa oleh geopolitik dan ekonomi ini.

Kerjasama daripada pemimpin-pemimpin yang terpilih dari sektor yang berbeza adalah diharapkan agar hala dan tuju mereka adalah sama, iaitu selaras dengan Wawasan Brunei 2035, di mana faedah yang bakal kita rasai adalah bagi semua rakyat Brunei, kini juga masa akan datang.

Kerjasama di antara kedua-dua belah pihak, iaitu sektor awam dan swasta akan menghasilkan sinergi yang lebih besar, di mana masing-masing akan mengetahui dan memahami akan kekuatan masing-masing dalam sama-sama memikul tanggungjawab masing-masing bagi sama-sama memastikan kemajuan, impian dan kemakmuran negara dikecapi.

Program B100 digunakan sebagai platform untuk perbincangan yang bermanfaat dan membina, belajar daripada satu dengan yang lain selain membina rangkaian dalam kerajaan juga di antara sektor awam dan swasta. Program B100 pada dasarnya menggunakan pendekatan 'delivery'.

Ya pada dasarnya menterjemahkan rancangan masa kini menjadi nyata dan tindakan memberi impak seterusnya memastikan juga mencapai matlamat negara, iaitu Wawasan Brunei 2035. Pendekatan jelas kaedah ini tidak boleh diabaikan.

Pendekatan 'delivery' menurut sejarah berada di landasan yang betul untuk mencapai matlamat keseluruhan untuk memiliki pekerja yang amat mahir dan dapat dicapai pada tahun 2035 nanti.

Pendekatan 'delivery' juga dihasratkan dapat dibina momentumnya selain diterapkan dan seterusnya disampaikan kepada yang lain dalam sama-sama memastikan masing-masing mencapai matlamat mereka.

Program diharap dapat memperkaya pengetahuan yang berguna dalam membina kapasiti profesional atau peribadi para pemimpin yang terpilih. Di samping itu, ia juga diharap dapat diaplikasikan dalam sama-sama membangun negara berdasarkan wawasan negara.

Mempelajari daripada yang berpengalaman, mendengarkan pandangan yang membangun, mengadaptasikan mana-mana yang ada kebaikan, sama-sama memastikan impian, hasrat dan tujuan dalam wawasan akan dicapai sepenuhnya secara berkesan. Berkongsi pengalaman yang baik, berdebat isu yang bermanfaat, berusaha bagi yang terbaik, bekerja capai serta realisasikan matlamat.

Ambil peluang yang diberikan untuk sama-sama berkongsi pengalaman, memberikan pendapat pada tajuk atau permasalahan yang diberikan mahupun ditimbulkan, latar belakang yang berlainan bukan sebagai halangan, malah menjadi kekuatan dalam sama berganding bahu menuju seterusnya mencapai dan merealisasikan wawasan yang diimpikan. - **Ketua Penyuntingan (Nb)**.

Ramalan Cuaca 3 Hari		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN		
32°C 25°C	32°C 25°C	32°C 25°C
MUSOR		
32°C 25°C	32°C 25°C	32°C 26°C
PERAK BANGSAR		
32°C 25°C	32°C 25°C	32°C 25°C
PERAK TUTONG		
32°C 25°C	32°C 26°C	32°C 25°C
PERAK SERIA		
32°C 25°C	32°C 25°C	32°C 26°C
KUALA BELAIT		
32°C 25°C	32°C 26°C	32°C 25°C

WAKTU SEMBAHYANG										
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."										
Masihi FEBRUARI	HARI	Hijrah JAMADILAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
1	RABU	4	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43
2	KHAMIS	5	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43
3	JUMAAT	6	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.32	7.43
4	SABTU	7	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.32	7.44
5	AHAD	8	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44
6	ISNIN	9	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44
7	SELASA	10	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN 991

AMBULANS 991

POLIS 993

BOMBA 995

PENYELAMAT 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

NDMC
123
2380214

Berkenan mengadakan Majlis Santap Malam



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan mengadakan Majlis Santap Malam bagi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi (kiri), sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia ketika berkenan bersalam mesra bersama Yang Amat Berhormat.



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Masri Osman, Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 31 Januari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan mengadakan Majlis Santap Malam bagi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad

Zahid Hamidi serta rombongan. Sebelum Majlis Santap Malam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima mengadap Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri Malaysia. Turut hadir pada Majlis Santap Malam tersebut ialah Pesuruhjaya



DULI Yang Teramat Mulia berkenan mengadakan Majlis Santap Malam bagi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri Malaysia serta rombongan yang berlangsung di Qashr Al-Meezaan.

Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Datuk Ghulam Jelani bin Khanizaman.

Majlis Santap Malam tersebut turut dihadiri oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng; Menteri Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar dan Timbalan Menteri (Keselamatan dan Media) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar.

Majlis-majlis tersebut telah berlangsung di Qashr Al-Meezaan.

Berangkat ke Sesi Pembukaan Program B100 Kali Ke-2

Pendekatan *delivery* pastikan matlamat negara dicapai



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Pengerusi dan Sponsor Jawatankuasa Pandu PENGGERAK berkenan mengurniakan sabda pada Sesi Pembukaan Program Brunei Top 100 Leaders (B100) Kali Ke-2 di JPM.

Dari muka 1

Dengan berbuat demikian, Brunei telah diiktiraf sebagai salah satu ekonomi yang terbaik daripada semua 190 negara yang diukur dua tahun berturut-turut.

Dalam bidang pendidikan, sabdanya, usaha berterusan oleh Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama ke arah memperbaiki kualiti pengajaran dan pembelajaran telah menunjukkan peningkatan dalam prestasi pelajar PSR pada tahun 2016.

Sebanyak 68 peratus daripada pelajar Tahun 6 mencapai Gred

'A' - 'C', keputusan yang tertinggi yang pernah kita capai.

DYTM bersabda seterusnya menyatakan, sejarah menunjukkan bahawa dengan pendekatan *delivery*, kita berada di landasan yang betul untuk mencapai matlamat keseluruhan kita untuk memiliki pekerja yang amat mahir dan dapat dicapai pada tahun 2035.

Memandangkan hasil tersebut, DYTM yakin semua peserta akan mencari program yang pesat memperkaya dan berguna dalam membina kapasiti profesional dan peribadi anda.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Masri Osman, Hamzah Mohidin

DYTM sendiri juga telah menggunakan kejayaan Program B100 tahun lepas sebagai penanda aras bagi harapan tinggi yang telah ditetapkan bagi semua yang hadir di majlis berkenaan.

Disebabkan oleh sambutan yang amat menggalakkan diluahkan oleh kohort pertama, DYTM gembira melihat bahawa mereka telah memberi impak.

DYTM juga gembira apabila melihat sebahagian graduan daripada Program B100 pertama telah memainkan peranan utama dalam membangunkan Unit Delivery dalam kementerian masing-masing untuk pencapaian khusus yang lebih baik bagi matlamat wawasan mereka.

Oleh itu, DYTM ingin melihat para peserta membina momentum ini, dan terus menyampaikan pendekatan *delivery* kepada teman-teman dan para rakan.

DYTM berharap budaya *delivery* benar-benar diterapkan bagi memastikan bahawa usaha ke arah menuju wawasan tidak boleh diubah.

Dari itu, DYTM dalam sabdanya menyeru semua akan belajar daripada pandangan kolektif dan pengalaman semua pemimpin yang berpotensi.

Dan yang paling penting, DYTM bersabda lagi, untuk meluangkan masa dan kemudian berusaha untuk memberi impak di mana sahaja berada.

"Akhirnya, kita semua boleh merealisasikan Wawasan Brunei 2035 untuk generasi masa kini dan masa depan rakyat Brunei," tambah DYTM lagi.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Masri Osman, Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 Januari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Pengerusi dan Sponsor Jawatankuasa Pandu PENGGERAK, berkenan berangkat ke Sesi Pembukaan Program Brunei Top 100 Leaders (B100) Kali Ke-2 berlangsung di Bangunan JPM, di sini.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota ke majlis tersebut dijunjung oleh Menteri di JPM dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim,

selaku Timbalan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu PENGGERAK dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Pandu PENGGERAK iaitu Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman; Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Bahrin bin Abdullah; Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud, selaku Ketua PENGGERAK.

Ke muka 5



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di JPM, Pengerusi dan Sponsor Jawatankuasa Pandu PENGGERAK berkenan berangkat ke Sesi Pembukaan Program Brunei Top 100 Leaders (B100) Kali Ke-2.



TURUT hadir pada Sesi Pembukaan Program B100, ialah Setiausaha-Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan kerajaan (kiri dan kanan).

Berangkat ke Sesi Pembukaan Program B100 Kali Ke-2



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Pengerusi dan Sponsor Jawatankuasa Pandu PENGGERAK berkenan berangkat ke Sesi Pembukaan Program Brunei Top 100 Leaders (B100) Kali Ke-2 di JPM. Turut hadir, ialah Menteri di JPM dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, selaku Timbalan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu PENGGERAK dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Pandu PENGGERAK, iaitu Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman; Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Bahrin bin Abdullah; Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud, selaku Ketua PENGGERAK.



TIMBALAN Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan semasa menyampaikan ucapan alu-aluan pada majlis tersebut.

Dari muka 4

Turut hadir ialah Setiausaha-Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Majlis didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Kampung Belimbing, Subok, Pengiran Haji Mohammad Hafizuddin bin Pengiran Haji Bakar.

Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan dalam sembah alu-aluan menyebarkan,

PENGGERAK telah melaksanakan Program B100 bagi melahirkan pemimpin yang diperlukan untuk merealisasikan tiga tonggak Wawasan Brunei 2035.

"Sepanjang program ini, pembelajaran secara khusus disesuaikan bagi melengkapkan, meningkatkan dan memperluas kebolehan dan keupayaan peserta untuk mewujudkan negara yang lebih kukuh.

Kami memberi penekanan kepada para peserta dengan penggunaan pendekatan *delivery* di tempat kerja sehari-hari, baik dalam sektor awam dan syarikat swasta," jelasnya.

Berdasarkan sambutan yang amat menggalakkan dan kejayaan pada kohort pertama, Yang Mulia Dato Paduka sangat yakin bahawa Program B100 akan terus menyebarkan budaya penyampaian strategi berasaskan tindakan dan berorientasi hasil individu.

Sejak bermulanya pendekatan penyampaian di negara ini, tambahnya, menyaksikan penambahbaikan negara yang memberangsangkan di kedudukan global dalam Ease of Doing Business (Kemudahan Menjalankan Perniagaan) di samping pengalaman yang berharga dalam mempertingkatkan kualiti pendidikan.

Walau bagaimanapun, Yang Mulia Dato Paduka seterusnya menekankan bahawa 2035 adalah

tidak lama dan kita mempunyai banyak matlamat dan pelaksanaan untuk dicapai sebelum kita yakin bahawa kita menjadi sebuah negara yang kukuh dan selamat untuk generasi kita masa depan.

Yang Mulia Dato Paduka seterusnya menyebarkan bahawa mereka telah menerima 220 pencalonan di seluruh kementerian dan sektor swasta dan melakukan proses pemilihan yang teliti dijalankan oleh para panel penilai luar bagi memilih 100 calon teratas dan itu merupakan bukti motivasi para peserta untuk menjadi pemimpin yang berkualiti tinggi, semangat mencapai Wawasan Brunei 2035 serta integriti mereka.

Seperti kohort sebelum itu, jelasnya, kita akan mempunyai pakar-pakar antarabangsa dari 'Delivery Associates' sebagai mentor utama para peserta untuk membimbing mereka di sepanjang tahun.

Pada masa yang sama, tambahnya, para peserta juga akan memperoleh manfaat daripada pengalaman dan pembelajaran dari peserta kohort pertama, yang akan menjadi mentor dalaman yang turut membantu mereka.

"Ini adalah selaras dengan usaha PENGGERAK untuk menggabungkan lebih ramai bakat tempatan ke dalam program ini dan Hamba Duli Tuanku yakin gabungan mentor antarabangsa

dan tempatan dalam membimbing peserta adalah pengalaman pembelajaran yang terbaik," sembah Yang Mulia Dato Paduka lagi.

Yang Mulia Dato Paduka berharap negara akan mempunyai kumpulan tenaga kerja yang dipenuhi dengan ejen penghantaran pada masa depan dan InsyaaAllah Brunei Darussalam akan menubuhkan jenamanya tersendiri setelah program itu tamat nanti.

Pada majlis itu, Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan mengurniakan sabda.

Majlis juga diteruskan dengan pembentangan ucapnama yang bertajuk 'Organizing for Implementation : The Science of Delivery' daripada Leigh Sandals.

Program B100 merupakan satu inisiatif pembangunan kapasiti pegawai-pegawai di sektor kerajaan ke arah membantu kementerian dan agensi masing-masing dalam melaksanakan bidang-bidang keutamaan (*delivering priorities*) dan Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicators*) Wawasan Brunei 2035 dengan berkesan dan secara berterusan melalui 'Delivery Approach'.

Selain itu, ia adalah juga pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara, iaitu bagi apa jua rancangan dan inisiatif adalah perlu untuk mengambil pendekatan *delivery* atau 'Delivery Approach'.

Program B100 Kali Pertama telah pun berjaya dilaksanakan pada tahun lepas dan pada kali ini program tersebut turut melibatkan penyertaan dari pihak sektor swasta.



LEIGH Sandals membentangkan ucapnama bertajuk 'Organizing for Implementation : The Science of Delivery'.

Brunei - Malaysia bincangkan isu dua hala



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi semasa mengadakan perjumpaan dua hala.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

JERUDONG, Selasa, 31 Januari. - Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi telah membincangkan isu-isu dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia,

di samping meningkatkan lagi hubungan kerjasama di antara kedua-dua buah negara.

Hal itu dibincangkan ketika Yang Amat Berhormat mengadakan perjumpaan dua hala bersama Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang

Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri Malaysia sedang dalam rangka lawatan rasmi ke negara ini.

Hadir sama pada perjumpaan yang diadakan di Conference Room, The Empire Hotel & Country Club itu, Setiausaha Tetap Kementerian Hal

Ehwal dalam Negeri (KHEDN), Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Haji Idris bin Haji Ali; Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Haji Mohammad Sunadi bin Haji Buntar; Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Awang Salminan bin Haji Burut dan

Pemangku Pengarah Penjara, Awang Haji Ismail bin Haji Murat.

Turut hadir ialah Setiausaha Sulit Kanan kepada Timbalan Perdana Menteri, Yang Berbahagia Datuk Muhd. Khair Razman bin Mohamed Annuar; Setiausaha Akhbar kepada Timbalan Perdana Menteri, Yang Berbahagia Datuk Dr. Ibrahim bin Yahaya; Penasihat Polis kepada Timbalan Perdana Menteri, Yang Berbahagia Dato' Sanusi bin Sidek; Timbalan Ketua Setiausaha (Keselamatan), Yang Berbahagia Dato' Sri Musatafa bin Haji Ibrahim; Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Yang Berbahagia Dato' Wan Ali bin Besar; Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Datuk Ghulam Jelani bin Khanizama dan Timbalan Ketua Setiausaha (Jabatan Hal Ehwal Dua Hala), Yang Mulia Ambassador Raja Nushirwan bin Zainal Abidin.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi semasa bertukar cenderahati (kiri sekali dan kiri).

HALUAN

Laksanakan tugas dengan jujur dan amanah

Dari muka 2

Di samping itu, Sekolah Menengah Chung Hwa juga sering muncul sebagai juara dalam beberapa pertandingan peringkat kebangsaan seperti dalam Pertandingan BICTA 2016, Kejohanan Olahraga bagi Sekolah Rendah dan Menengah, Peraduan Pidato Bahasa Melayu sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-70 dan lain-lain lagi kejuaraan, yang mana telah mengharumkan nama sekolah ini. Sekolah ini juga telah dijemput ke Beijing, untuk mengambil bahagian di persembahan kebudayaan sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-25 Hubungan Diplomatik

Brunei-China. Tahniah saya ucapkan.

Dalam bidang teknologi bagi penggunaan pengajaran dan pembelajaran, pengiktirafan yang diberikan oleh Microsoft kepada sekolah ini sebagai Sekolah Contoh Microsoft sejak tahun 2014 sehingga kini, menunjukkan bahawa sekolah ini memanfaatkan teknologi Microsoft yang terkini untuk meningkatkan kualiti pendidikan yang ditawarkan di sekolah ini. Dengan penggunaan teknologi ini juga telah memberi peluang kepada para pelajar dan guru-guru bekerjasama dengan sekolah-sekolah luar negeri dan peringkat global.

Pencapaian ini tentunya hasil usaha dan sokongan padu yang telah diberikan oleh Pengerusi dan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah sekolah ini ke arah memajukan lagi

sekolah. Kerjasama yang erat seperti ini dan sokongan daripada semua pihak dan *stakeholders* adalah kunci utama kejayaan yang dicapai oleh sekolah ini.

Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan juga adalah salah sebuah dari lapan buah Sekolah Pencapaian Terbaik (Top Performing Schools) yang kini bekerjasama dengan sekolah kerajaan dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah kerajaan. Kerjasama ini dan pengongsaan *best practice* diharap dapat mengenal pasti kelemahan yang terdapat dalam bidang *teaching and learning*; dalam kepimpinan dan pengurusan sekolah terutama di kalangan sekolah kerajaan.

Atas kecemerlangan pencapaian Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan selama ini,

masyarakat di negara ini, khasnya ibu bapa, menaruh keyakinan kepada sekolah dan ini termasuk ibu bapa bukan berbangsa Tionghua.

Pada hemat saya, kehadiran pelajar-pelajar bukan berbangsa Tionghua di Sekolah Menengah Chung Hwa ini adalah petanda yang sangat baik dan contoh dalam kesatuan kaum dan bangsa di bawah satu bumbung institusi pendidikan. Institusi pendidikan berperanan selain menyediakan pendidikan berkualiti, menanamkan nilai-nilai murni, jati diri, hormat-menghormati berlandaskan Melayu Islam Beraja.

Saya menaruh keyakinan bahawa melalui kepimpinan Lembaga Pengarah baharu yang masih diketuai oleh Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh ini seperti jua sebelumnya, akan dapat membimbing pentadbiran dan

pengurusan sekolah ini untuk terus meningkatkan pencapaian kecemerlangan akademik dan juga pencapaian dalam bidang bukan akademik sekolah di samping mempertahankan tradisi dan hubungan erat di antara Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan dengan Kementerian Pendidikan dan juga masyarakat demi kepentingan pelajar-pelajar dan pendidikan.

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan tahniah atas lantikan Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang baru dan saya penuh berharap agar setiap Ahli Lembaga Pengarah akan dapat mencetuskan idea-idea baharu dalam mengembang-majukan kedudukan Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan ini sebagai sekolah yang berprestij dan berprestasi tinggi.

Sekian.

Tabung Amal Mangsa Kebakaran terima sumbangan BND5 ribu

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 Januari. - Para keluarga mangsa musibah kebakaran di Kampung Pandai Besi 'A' dan Kampung Lurong Dalam yang berlaku pada tahun lepas terus mendapat perhatian dari pelbagai pihak dengan menghulurkan sumbangan derma demi meringankan beban para mangsa.

Sehubungan itu, Kumpulan Isteri-isteri Menteri-Menteri Kabinet, Isteri-isteri Timbalan-Timbalan Menteri, Isteri-isteri Setiausaha-Setiausaha Tetap, Isteri-isteri Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan ahli bersekutu menghulurkan

derma berjumlah BND5,000 kepada Tabung Amal Mangsa Kebakaran.

Penyerahan sumbangan tabung berkenaan berlangsung di Bangunan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, di sini.

Hadir bagi menerima sumbangan berkenaan ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, selaku Penasihat Bersama tabung berkenaan.

Manakala sumbangan derma diserahkan oleh isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,

Datin Paduka Hajah Zahrah binti Haji Mohammad, selaku Pengerusi dari Kumpulan Isteri-isteri Menteri-Menteri Kabinet, Isteri-isteri Timbalan-Timbalan Menteri, Isteri-isteri Setiausaha-Setiausaha Tetap, Isteri-isteri Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan ahli bersekutu.

SUMBANGAN derma diserahkan oleh isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datin Paduka Hajah Zahrah binti Haji Mohammad, selaku Pengerusi daripada Kumpulan Isteri-isteri Menteri-Menteri Kabinet, Isteri-isteri Timbalan-Timbalan Menteri, Isteri-isteri Setiausaha-Setiausaha Tetap, Isteri-isteri Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan ahli bersekutu.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, selaku Penasihat Bersama tabung berkenaan semasa hadir pada majlis berkenaan.

Rombongan Badan Amal dan Kebajikan Islam menelusuri tempat dan sejarah kesultanan Brunei

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BERAKAS, Isnin, 30 Januari. - Hubungan kerjasama pelbagai bidang di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Negeri Sabah terus akrab dengan pertukaran lawatan di antara para pegawai dari kedua-dua belah pihak.

Sehubungan itu, Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil menerima kunjungan hormat daripada rombongan Badan Amal dan Kebajikan Islam, Jabatan Ketua Menteri Sabah (BALKIS CMD) yang diketuai oleh Pengarah Arkib Negeri Sabah, Tuan Haji Said bin Hinayat yang berlangsung di Tingkat 7, KKBS, di sini.

Pada kunjungan tersebut, Setiausaha Tetap KKBS dan rombongan pelawat dari negeri di bawah bayu itu telah bertukar-tukar cenderahati.

Rombongan Badan Amal dan Kebajikan Islam, Jabatan Ketua Menteri Sabah seterusnya mengadakan kunjungan kepada Timbalan Setiausaha Tetap KKBS, Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abdul Samad.

Semasa kunjungan itu, kedua-dua belah pihak telah berbincang dan bertukar-tukar pandangan mengenai hal ehwal kebudayaan, sejarah dan arkib.

Turut hadir pada majlis tersebut, ialah Pemangku Pengarah

Muzium-Muzium, Pemangku Pengarah Kebudayaan dan Kesenian serta pegawai-pegawai kanan KKBS.

Rombongan seramai 11 orang tersebut adalah dalam rangka lawatan selama empat hari yang bermula pada 28 Januari lalu ke negara ini bagi menelusuri tempat dan sejarah kesultanan Brunei.

Lawatan itu juga bertujuan untuk mengeratkan silaturahim serta kerjasama di antara NBD dan Negeri Sabah yang telah sekian lama terjalin.

Semasa berada di negara ini, rombongan tersebut berkesempatan membuat lawatan ke beberapa tempat bersejarah dan menarik yang terdapat

di Negara Brunei Darussalam antaranya Istana Nurul Iman, Makam Luba Sultan Abdul Kahar, Jalan Tutong, Makam Sultan Saiful Rijal, Kampung Kianggeh, Jame' 'Asr Hassanal Bolkihah, Muzium Teknologi Brunei, Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja dan Pusat Sejarah Brunei.

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil bertukar-tukar cenderahati bersama rombongan Badan Amal dan Kebajikan Islam, Jabatan Ketua Menteri Sabah (BALKIS CMD) yang diketuai oleh Pengarah Arkib Negeri Sabah, Tuan Haji Said bin Hinayat.



SETIAUSAHA Tetap KKBS, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila (tujuh, kiri) semasa menerima kunjungan hormat daripada rombongan Badan Amal dan Kebajikan Islam, Jabatan Ketua Menteri Sabah (BALKIS CMD) yang diketuai oleh Pengarah Arkib Negeri Sabah, Tuan Haji Said (tujuh, kanan).

Pemenang Minda Pembaca!



Aktiviti berbasikal memberikan manfaat kepada kesihatan

PADA zaman sekarang berbasikal bukan saja berfungsi sebagai alat pengangkutan harian, malah ia juga dijadikan sebagai sukan lumba dan aktiviti riadah bersama keluarga dan rakan-rakan. Sesetengah individu lebih gemar menjadikan aktiviti berbasikal ini sebagai kaedah senaman sama ada menggunakan basikal statik di kawasan tertutup atau mendaki bukit dengan menunggang basikal gunung.

Berbasikal berkesan merehatkan minda terutama jika dilakukan pada siang hari di

persekitaran yang terbuka. Udara segar pada waktu pagi mampu menenangkan fikiran yang tegang dan meredakan gejala kemurungan atau masalah psikologi yang lain. Tambahan lagi, pergerakan hasil dari kayuhan berterusan akan mengaktifkan hormon endorfin yang berfungsi untuk mengawal keseimbangan hormon-hormon yang lain dalam tubuh dan seterusnya menjana kepada pemikiran positif.

Di samping itu, pendedahan kulit pada cahaya matahari pada awal pagi dapat menghasilkan Vitamin D dalam tubuh secara

semula jadi. Pengambilan Vitamin D yang mencukupi adalah penting bagi mengawal penyerapan kalsium bagi mengekalkan kesihatan tulang serta memberi mekanisme perlindungan daripada penyakit osteoporosis, kanser dan juga diabetes.

Berbasikal secara rutin juga mampu menguatkan tulang di bahagian anggota-anggota tertentu seperti tulang belakang, kaki dan pinggul. Justeru, risiko untuk mengalami patah atau kecederaan tulang adalah rendah. Kanak-kanak yang mengalami masalah proses tumbesaran adalah digalakkan untuk melakukan senaman yang melibatkan kaki untuk menguatkan tulang kaki dan mempercepat pertumbuhan badan.

Sukan berbasikal secara umumnya berupaya dalam menstabilkan keseluruhan otot-otot badan dan melancarkan pergerakan sendi terutamanya di bahagian

sendi lutut, pinggul dan bahu. Berbanding senaman yang lain, berbasikal tidak memberikan tekanan kepada tulang rawan dan sendi-sendi maka sangat sesuai untuk menghasilkan postur tubuh yang menarik. Berbasikal juga mengurangkan kadar kolesterol dalam badan serta merangsang aktiviti-aktiviti metabolisme untuk pembakaran lemak. Oleh yang demikian, ramai belia-belia kini menjadikan senaman berbasikal sebagai salah satu program menurunkan berat badan selain membentuk kecergasan fizikal dan meningkatkan tahap kesihatan diri.

Nama : Zati Azra Fazriyah Haji Mohd. Hussin

No. K/P : 01-070460 (K)

Alamat : No. 4, Simpang 20, Jalan 32, Kampung Rimba Gadong, BE3319, Negara Brunei Darussalam.

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Bandarku Ceria, Bandarku Bersih'. Tarikh Tutup : 1 Februari 2017
2. 'Terapkan Semangat Patriotisme Dalam Diri Generasi Muda'. Tarikh Tutup : 8 Februari 2017
3. 'Peranan Ibu Bapa Mewujudkan Masyarakat Penyayang'. Tarikh Tutup : 15 Februari 2017

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

4. Penyertaan terbaik akan disiarkan dalam Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI dan pemenang akan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND75.00.

Tunggu apa lagi... Hantarkan pendapat awda sekarang e-mel ke: pelita.brunei@information.gov.bn



Bazar Jualan Awal Tahun ketengahkan Satu Kampung Satu Produk

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

BERAKAS, Isnin, 30 Januari. - Bazar Jualan Awal Tahun 2017 anjuran Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kilanas dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara bermula 30 Januari hingga 2 Februari 2017 di Dewan Muhibah, Jabatan Daerah

Brunei dan Muara, di sini.

Bazar selama empat hari itu bertujuan untuk menyemarakkan Sambutan Awal Tahun Baharu 2017 selain untuk menambah dana Tabung MPK Kilanas dan untuk menyatupadukan lagi Pengusaha-pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) di negara ini termasuk mempromosikan Satu Kampung Satu Produk (1K1P) dari Majlis-Majlis Perundingan Kampung.

Pengurus Am MHG Event Management, Awang Mohd. Hasmawi bin Ghani, selaku Ketua Biro Ekonomi MPK Kilanas ketika ditemu bual oleh Pelita Brunei menjelaskan, program kolaborasi MPK Kilanas dan Jabatan Daerah Brunei dan Muara kali ini menyediakan 51 buah petak jualan, iaitu 44 petak yang disertai oleh para PKS dan selebihnya terdiri daripada ahli MPK dengan mengetengahkan 1K1P masing-masing.

"Selain untuk menjana ekonomi MPK Kilanas, 10 peratus daripada hasil keuntungan sewa petak dari bazar ini akan dikumpulkan untuk bazar yang akan datang dan 10 peratus dari bazar yang akan datang



PENGURUS Am MHG Event Management, Awang Mohd. Hasmawi bin Ghani, selaku Ketua Biro Ekonomi Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kilanas ketika ditemu bual oleh Pelita Brunei.

tersebut akan didermakan ke salah satu tabung amal yang terdapat di Negara Brunei Darussalam," terangnya lagi.

Sehubungan itu, orang ramai dialu-alukan untuk berkunjung ke bazar amal tersebut yang menjual pelbagai jenis jualan dalam petak-petak yang disediakan sepanjang bazar diadakan yang bermula pada pukul 8.00 pagi hingga 6.00 petang.



ANTARA petak jualan pada Bazar Awal Tahun 2017 anjuran MPK Kilanas dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara yang berlangsung di Dewan Muhibah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Berakas (atas kiri dan atas).

Kelebihan meluangkan lebih masa berzikir dan berdoa setelah selesai sembahyang

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

AMALAN pergi ke masjid dan menjadikannya sebagai suatu kelaziman merupakan suatu amalan yang disunatkan serta digalakkan dalam Islam. Oleh itu, melatih dan membiasakan diri pergi ke masjid merupakan suatu langkah yang terpuji dan bakal memperoleh hasil yang bermanfaat serta ganjaran pahala yang besar.

Disebutkan dalam Kitab l'lam as-Sajid bi Ahkam al-Masajid, setelah masuk ke dalam masjid, disunatkan untuk membiasakan atau melatih diri supaya duduk (menanti) lebih lama di dalam masjid kerana ia merupakan suatu amalan bagi menghidupkan dan mengimarahkan tempat sembahyang, iaitu masjid. Dalam perkara ini, perbuatan atau amalan seseorang yang pergi ke masjid (lebih awal) sambil menantikan masuk waktu sembahyang, kemudian mengerjakan sembahyang pada waktunya seurus masuk waktu sembahyang merupakan perkara yang paling sempurna.

Menyentuh mengenai anjuran untuk duduk (menanti) lebih lama di masjid, terdapat perkara-perkara yang disunatkan dan dianjurkan untuk dilaksanakan setelah selesai sembahyang di masjid serta ganjarannya supaya seorang yang tiada sebarang keuzuran tidak bergegas-gegas atau terburu-buru untuk segera beredar daripada tempat sembahyangnya seurus dia atau ibunya selesai memberi salam dalam sembahyang.

Berzikir Dan Berdoa

Menurut *fukah*, antara perkara yang disunatkan untuk dilakukan setelah sembahyang fardu bagi *munfarid*, iaitu orang yang sembahyang bersendirian termasuklah juga imam dan makmum dalam sembahyang berjemaah, ialah beristighfar, berzikir dan berdoa. Malahan disunatkan memperbanyakkan zikir dan doa selepas sembahyang. Berdoa selepas sembahyang merupakan antara doa yang mustajab (dikabulkan).

Oleh itu, setelah selesai mengerjakan sembahyang fardu, janganlah berkata-kata atau diselangi dengan perkataan atau

percakapan yang lain selain daripada zikir, doa dan ayat-ayat Al-Quran.

Tuntutan berzikir dan berdoa juga tidak luput walaupun setelah melakukan Sembahyang Sunat Rawatib. Bagaimanapun, perkara yang afdal, ialah mendahulukan berzikir dan berdoa setelah selesai sembahyang fardu kemudian dilakukan oleh Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* sendiri. Bagaimanapun, hadis-hadis yang diriwayatkan daripada Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* mengenai berzikir selepas sembahyang mengaitkan dan mengkhususkan tuntutan berzikir dilaksanakan selepas sembahyang fardu.

Demikian juga, tuntutan sunat berdoa selepas sembahyang adalah berdasarkan hadis-hadis yang *warid* daripada Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam*. Bagaimanapun, tuntutan berdoa selepas sembahyang tidak terbatas selepas sembahyang fardu sahaja, malahan amalan berdoa juga dituntut setelah selesai daripada sembahyang-sembahyang sunat.

Zikir dan doa-doa selepas sembahyang yang afdal dipilih dan dibaca ialah zikir-zikir dan doa-doa yang *ma'tsur*, iaitu yang telah dibaca atau diamalkan oleh Nabi Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* sendiri. Dalam sembahyang berjemaah, imam hendaklah meringkaskan (tidak memanjangkan) bacaan zikir dan doanya dengan kehadiran makmum atau jemaah. Imam boleh (berhak) memanjangkan (dan menyambung) bacaan zikir dan doanya jika dia mahu setelah makmum berdiri dan beredar. Adapun jemaah (makmum) dan *munfarid* disunatkan memperbanyakkan, iaitu memanjangkan, zikir dan memperbanyakkan doa selepas sembahyang fardu dengan mengharapkan agar doanya diterima dan dikabulkan.

Selain itu, disunatkan bagi *munfarid* dan makmum untuk menghadap kiblat ketika berzikir dan membaca doa. Manakala imam yang masih duduk di tempat sembahyangnya, sunat mengubah posisinya dengan menghalakan bahagian kanan badannya ke arah makmum, manakala bahagian kiri imam pula menghala ke arah kiblat atau *mihrab*. Perbuatan sedemikian adalah *ittiba'*, iaitu mengikut Sunnah dan perbuatan Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam*. Inilah posisi yang afdal bagi imam ketika berzikir atau membaca doa

menurut Imam Ibnu Hajar *Rahimahullah*.

Berpindah Atau Beredar Setelah Selesai Sembahyang

Sunat bagi imam, termasuklah makmum dan juga *munfarid*, beredar dari tempat sembahyangnya sekiranya tidak ada jemaah khunsa atau perempuan di belakang. Sekiranya terdapat jemaah perempuan di belakang, imam dan juga makmum lelaki duduk seketika sehinggalah jemaah perempuan beredar untuk mengelakkan terjadinya percampuran antara lelaki dan perempuan yang membawa kepada kerosakan (keburukan). Dalam keadaan seperti ini, disunatkan bagi jemaah perempuan untuk segera beredar selepas sembahyang.

Disunatkan supaya makmum atau jemaah lelaki tidak beredar atau berpindah daripada tempat sembahyangnya ke tempat lain sehinggalah imam berdiri atau berpindah daripada tempat sembahyang imam. Dengan erti kata lain, disunatkan bagi makmum atau jemaah lelaki untuk tetap duduk di tempat sembahyangnya seketika sehinggalah imam berdiri daripada tempat sembahyang imam. Malahan adalah makruh hukumnya makmum beredar daripada masjid mendahului ibunya tanpa sebarang keuzuran.

Di dalam Kitab *Busyru al-Karim* telah disebutkan bahawa terdapat dua perkara mengapa makmum dituntut supaya tetap duduk (menanti) untuk seketika dan tidak terus beredar daripada tempat sembahyang atau masjid setelah imam selesai memberi salam dalam sembahyang.

Pertama : Supaya makmum tidak beredar atau keluar mendahului ibunya. Keadaan seperti ini juga menunjukkan seolah-olah makmum dalam keadaan tergesa-gesa atau bergegas-gegas dalam perkara ibadat. Perbuatan makmum beredar atau keluar mendahului imam juga mengakibatkan makmum tersebut membelakangi imam yang sedang menghadapkan dan menghalakan pandangannya kepada para makmum.

Kedua : Tetaplah makmum duduk (menanti) untuk seketika di tempatnya itu kerana ada kemungkinan imam mengingati sesuatu yang dia telah lupa (dalam sembahyangnya), maka dalam keadaan seperti ini makmum mempunyai kesempatan untuk mengikut imam tersebut dan menyempurnakan sembahyang makmum.

Hendak Mengerjakan Sembahyang Yang Lain

Menurut ulama, seseorang yang hendak



mengerjakan sembahyang sunat setelah sembahyang fardu atau sebaliknya mengerjakan sembahyang fardu setelah sembahyang sunat adalah disunatkan supaya memisahkan antara dua sembahyang tersebut, sama ada dengan percakapan ataupun dengan berpindah. Yang dimaksudkan dengan berpindah ialah berpindah daripada tempat dia mengerjakan sembahyang yang pertama ke tempat lain.

Seorang yang telah selesai daripada sembahyang fardu di masjid dan tidak berniat *i'tikaf* (dalam masjid), kemudian dia hendak mengerjakan sembahyang sunat yang lain, iaitu yang tidak disunatkan berjemaah, adalah sunat hukumnya, malahan afdal baginya untuk mengerjakan sembahyang sunat tersebut di rumahnya. Bagaimanapun, sekiranya dia tidak pulang ke rumahnya dan hendak mengerjakan sembahyang sunat di masjid, maka sunat baginya berpindah sedikit daripada tempat sembahyangnya ke tempat atau bahagian lain dalam masjid untuk mengerjakan sembahyang sunat tersebut.

Demikian juga, adalah memadai jika sembahyang yang pertama dan sembahyang yang kedua dan yang seterusnya dipisahkan dengan percakapan, sekalipun yang tidak difahami, ataupun dengan mengucapkan lafaz yang boleh membatalkan sembahyang. Ini termasuklah zikir seperti bertasbeeh, berdehem yang membatalkan sembahyang atau membaca ayat Al-Quran.

BERSAMBUNG

Penyakit manusia di akhir zaman

AL-WAHN merupakan salah satu penyakit yang menjangkiti manusia akhir zaman, iaitu penyakit cinta kepada dunia dan takut akan kematian. Ia timbul apabila terlalu cinta kepada dunia seperti cinta berlebihan pada harta benda, manusia, pangkat dan lain-lainnya.

Sesungguhnya, pelbagai kenikmatan yang ada di dunia adalah kenikmatan yang fana, kenikmatan tidak kekal abadi dan kenikmatan yang sedikit. Dan kenikmatan yang kekal abadi, kenikmatan yang banyak adalah kenikmatan di akhirat, iaitu di syurga, itulah sebaik-baik tempat untuk kembali. Setiap manusia pasti menginginkan kenikmatan syurga, namun syurga adalah tempat yang istimewa yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-hamba-Nya yang bertakwa, beriman serta bermal soleh.

Manusia pada dasarnya ingin kaya, pangkat tinggi, memiliki pengaruh yang besar, terkenal di mana-mana dan sebagainya. Akibat dari penyakit *al-wahn* tersebut, maka timbul rasa keengganan berjuang dan berjihad untuk mempertahankan iman dan memperjuangkan agama.

Sifat materialisme sama sekali dilarang dalam ajaran Islam kerana ia merupakan warisan daripada iblis, yang memang kehadiran dan keberadaannya hanya untuk menggoda agar manusia lalai, rosak sehingga

menjadi penghuni neraka bersama iblis.


Firman Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Surah al-A'raaf, ayat 12 yang tafsirnya :

"Allah berfirman : "Apakah yang menghalangimu untuk sujud (tunduk memberi hormat) ketika Aku memerintahkanmu (untuk sujud kepada Adam)?" Iblis berkata : "Aku lebih baik daripada Adam, Engkau menciptakan aku daripada api sedangkan

Engkau menciptakannya daripada tanah."

Penyakit ini dapat diatasi dengan cara bertaubat kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan kembali kepada tuntutan ajaran agama Islam. Dengan cara meningkatkan keimanan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan hari kiamat juga boleh menghilangkan rasa cinta akan dunia atau takut akan kematian. Begitu juga dengan cara mendalami dan memahami ajaran Islam dan

MENJANGKITI manusia akhir zaman, iaitu penyakit cinta kepada dunia dan takut akan kematian. Ia timbul apabila terlalu cinta kepada dunia seperti cinta berlebihan kepada harta benda, manusia, pangkat dan lain-lainnya.



akidah. Selain itu dengan cara menghayati perspektif Islam terhadap konsep kebahagiaan dunia dan akhirat, kerana sesungguhnya Islam tidak mengharamkan dunia dan perhiasannya, akan tetapi menjadikannya sebagai alat untuk mencapai kehidupan dan kebahagiaan akhirat.

Oleh yang demikian, tingkatkanlah ibadah dan pendekatan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Maka, dengan cara tersebut akan timbullah sifat *qana'ah* dalam diri. Rasa bersyukur semakin meningkat dan tawaduk (rendah hati) akan menjadi benteng kepada penyakit *al-wahn* dan sekali gus menjadi penghisas diri.

"Apa yang ada di sisi kamu (kebaikan dan kesenangan di dunia) akan lenyap dan apa yang ada di sisi Allah (kenikmatan dan kebahagiaan di akhirat) adalah kekal. Dan sesungguhnya Kami sudah tentu akan membalas orang-orang yang sabar dengan ganjaran yang lebih baik daripada apa yang mereka telah kerjakan."

(Surah an-Nahl : 96).

Majlis Resepsi sempena Hari Angkatan Tentera Diraja Thailand



UPACARA Memotong Kek sempena dengan Hari Angkatan Tentera Diraja Thailand bagi Tahun 2017 disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Laksamana Pertama (B) Dato Seri Pahlawan Awang Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit (dua, kiri) dan isteri bersama-sama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Biravij Suwanpradhes (dua, kanan).

Berita dan Foto :
Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 Januari. - Negara Brunei Darussalam dan Thailand mempunyai hubungan rapat dalam setiap aspek, baik di peringkat dua hala mahupun di bawah rangka kerja ASEAN.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Biravij Suwanpradhes menjelaskan perkara tersebut semasa berucap pada Majlis Makan Malam Resepsi sempena Hari Angkatan Tentera Diraja Thailand tahun ini yang diselenggarakan oleh Kedutaan Thailand di Bandar Seri Begawan, yang berlangsung di Dewan VIP, Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Tuan Yang Terutama berkata, angkatan tentera dari kedua-dua negara sering kali berinteraksi melalui latihan dua hala dan pelbagai hala yang bukan sahaja pada peringkat tertinggi, tetapi juga di antara pegawai staf dan kadet tentera bagi memupuk persefahaman dan kepercayaan antara kedua-dua negara dalam menghadapi cabaran seperti bantuan bencana dan memastikan keselamatan maritim.

Terdahulu, TYT menjelaskan, Hari Angkatan Tentera Diraja Thailand yang jatuh pada tanggal 18 Januari setiap tahun adalah untuk memperingati keberanian dan kepimpinan Raja Naresuan (King Naresuan The Great) yang berjuang untuk kebebasan dan perpaduan Kerajaan Thailand.

Angkatan Tentera Diraja Thailand tambahannya, memainkan peranan aktif dalam menyokong usaha kerajaan dalam pembangunan negara, terutamanya dalam kawasan-kawasan yang jauh dan pedalaman.

Ini ujarnya, dapat dilakukan melalui pelaksanaan projek Pembangunan

Diraja mendiang Raja Bhumibol Adulyadej, yang mana objektif utama projek adalah untuk meningkatkan kualiti kehidupan rakyat Thailand di kawasan-kawasan berkenaan.

Dalam melaksanakan projek-projek tersebut jelasnya, fokus utama terletak pada inisiatif mendiang Raja Bhumibol Adulyadej yang digelar Falsafah Sara Ekonomi, di mana ia menekankan kesederhanaan, kewajaran dan keperluan imuniti diri untuk melindungi orang daripada kesan yang timbul dari perubahan sosioekonomi dan alam sekitar pesat secara dalaman dan luaran.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Laksamana Pertama (B) Dato Seri Pahlawan Awang Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit dan isteri.

Majlis Resepsi dimulakan dengan nyanyian lagu kebangsaan kedua-dua buah negara dan diakhiri dengan Upacara Memotong Kek sempena dengan Hari Angkatan Tentera Diraja Thailand bagi Tahun 2017.

Turut hadir ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah; Setiausaha Tetap di Kementerian Pertahanan, Kapten (B) Abdul Rahman bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar dan isteri serta ahli-ahli kor diplomatik di negara ini, para pegawai kanan kerajaan dan swasta.

36 peserta tamat kursus Asas Perakaunan Usahawan

Siaran Akhbar dan Foto : K- MAS Management Sdn. Bhd.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 Januari. - Seramai 36 ahli Persekutuan Usahawan Melayu Brunei berjaya menamatkan Sesi Asas Perakaunan Usahawan : Urus Perniagaan Secara Berkesan Dengan Simpan Kira & Kewangan Praktikal yang diadakan selama enam hari.

Dalam Siaran Akhbar K-MAS Management Sendirian Berhad, Presiden Persekutuan Usahawan Melayu Brunei, Dr. Haji Abdul Latif Chuchu melahirkan penghargaan kepada pasukan Pengurusan K-MAS Sendirian Berhad yang telah mengendalikan program tersebut melalui mudah cara, Dayang Fatima Nuzaha Hussain.

Para peserta program belajar menggunakan simulasi pembelajaran perniagaan *boardgame* mengenai asas perakaunan dan kewangan.

Fasilitator program, Dayang Fatima Nuzaha adalah ahli Institut Chartered Accountants of Sri Lanka ICASL, di mana beliau mempunyai 10 tahun pengalaman dalam bidang Kewangan dan Akaun yang melibatkan perancangan, pengurusan, membuat keputusan, penyediaan laporan penyata kewangan dan audit.

Beliau telah menjalankan amalan sebagai seorang akauntan di pelbagai syarikat antarabangsa dan kini memiliki dua buah restoran di Negara Brunei Darussalam.

Beliau telah bekerja sebagai Akauntan di Eksport BAM Pvt. Ltd. and Ernst & Young mengendalikan akaun, menjalankan audit dan laporan audit dan penyata kewangan.

Salah seorang peserta, Dayang

Hadijah binti Haji Dollah melahirkan rasa puas hati atas tunjuk ajar dari fasilitator dan menyatakan bahawa objektif kursus tersebut mencapai

hasrat yang dikehendaki.

Jelasnya, beliau tidak mengetahui apa-apa tentang perakaunan sebelum ini walaupun mempunyai perniagaan sendiri, di mana beliau hanya menulis apa yang dijual dan merekodkan apa yang diperolehi dari perniagaan, namun sekarang beliau belajar dan

lebih memahami apa yang benar-benar penting dalam membuat akaun perniagaan.


Manakala bagi Awang Md. Safwan bin Mohd. Hamri, program tersebut telah banyak membantu dan beliau telah banyak mempelajari dari kursus tersebut.

Menurutnya, kini beliau pasti boleh menggunakan dan melaksanakan konsep dan tip yang dipelajari untuk perniagaannya sendiri. Dengan penggunaan *boardgame*, ia lebih menyeronokkan dan mudah bagi mereka untuk memahami bagaimana membuat simpan kira.



SERAMAI 36 ahli Persekutuan Usahawan Melayu Brunei berjaya menamatkan Sesi Asas Perakaunan Usahawan : Urus Perniagaan Secara Berkesan Dengan Simpan Kira & Kewangan Praktikal semasa bergambar ramai.

Sejarah adalah guru



KEBERANGKATAN Sultan Ahmad Tajuddin dan Pengiran Bendahara Omar 'Ali Saifuddin sempena Ulang Tahun Penubuhan BARIP adalah bukti sokongan terhadap perjuangannya.

ERA Zaman Pendudukan Jepun 1941 - 1945 memberi kesan yang mendalam terhadap kebangkitan semangat kebangsaan Brunei bagi penuntut hak kedaulatan negara Melayu Islam Beraja (MIB). Kesedaran ini dibangkitkan oleh rasa tidak puas hati yang terpendam di dalam jiwa anak-anak tempatan implikasi dari suasana peperangan dan akibat dari dasar pemerintahan Residen British di Brunei lebih kurang 35 tahun. Semangat anti-British ini walaupun tidak secara terang-terangan, tetapi sebenarnya telah tersemam dalam kalangan golongan guru yang juga diterajui oleh Sultan Ahmad Tajuddin dan adinda baginda Pengiran Bendahara Omar 'Ali Saifuddin (Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin). Perjuangan menuntut kedaulatan jelas terbukti apabila berangkat ke London untuk merundingkan masa depan politik Brunei pada tahun 1950, tetapi tidak kesampaian kerana telah lindung di Singapura. Dalam dokumen British yang tersimpan di Arkib Negara, Kew Garden, di London ada mencatatkan mengenai persuratan-persuratan baginda dengan Kerajaan British bagi menuntut kembali kedaulatan Brunei. Misalnya baginda pernah diancam akan dipecat dari jawatannya sebagai Sultan oleh Pegawai British sekiranya mendesak untuk memohon kenaikan elaun santapan seperti mana yang diterima oleh Sultan-Sultan di Tanah Melayu (Malaysia). Ini jelas menunjukkan bahawa kuasa mentadbir hal ehwal dalam dan luar Negeri Brunei kenyataannya adalah di bawah tangan Residen sebagaimana pengakuan daripada salah seorang Residen British, iaitu Sir John Peel yang telah ditemu bual di Cambridge St. London pada Ogos tahun 1995.

"Brunei was a protected State and the treaty provided that he (the Sultan) should accept a British Resident and his advice on all subjects other than the Mohammedan religion and Malay customs. So the Sultan had to accept my advice on all other subjects and that was just how it was before the war. So that I had very wide powers indeed. I was really responsible for the the general affairs of the State. In the State Council which was presided

over by the Sultan, I was sitting next to him to advise him, because actually I did the paper work of the meeting. Absolutely, I ran the government."

Pembuktian sejarah yang benar itu memperlihatkan realiti nasib bangsa Brunei ketika itu, seolah-olah seperti anak dagang di negeri sendiri kerana bangsa asing bermaharajalela dan menganaktirikan bangsa Brunei terutama selepas Perang Dunia II. Ini menyebabkan munculnya golongan nasionalis Brunei seperti H. M. Salleh bersama pemuda-pemuda BARIP pernah bertindak di luar dugaan demi mempertahankan maruah bangsa Brunei. Misalnya pada tahun 1947 dalam peristiwa lindungnya ibunda Sultan Ahmad Tajuddin, bangsa asing menunjukkan taring mereka tidak mahu menarik bendera negara setengah tiang, di depan kedai masing-masing di Bandar Brunei menyebabkan pemuda Brunei bertindak untuk membakar semua kedai yang tidak menghormati perkabungan masyarakat Brunei. Alhamdulillah, tindakan berani H. M. Salleh bersama Pemuda-pemuda BARIP yang diperkenankan oleh Pengiran Bendahara Omar 'Ali Saifuddin (kerana Sultan Ahmad Tajuddin bersemayam di Kuching ketika itu) telah dapat menyelesaikan isu tersebut dalam tempoh beberapa jam sahaja. Semangat keberanian dan kecintaan mempertahankan maruah negara ini juga diperlihatkan oleh Awang Ibrahim bin Mohd. Jaafar (Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim bin Mohd. Jaafar) yang sanggup menggadaikan nyawa beliau sendiri kerana menyelamatkan dokumen-dokumen penting dan sulit kerajaan dari dirampas dan dimusnahkan oleh Tentera Jepun pada tahun 1941. Semangat yang kental dan berani ini yang perlu kita miliki dan hayati bagi mempertahankan maruah dan identiti bangsa Brunei dalam era globalisasi masa kini.

Bagaimanapun perjuangan cara kekerasan ini amat sukar untuk mendapatkan kemenangan kerana ibarat timun dengan durian. Maka perjuangan menuntut kemerdekaan Brunei telah diteruskan oleh Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien yang menaiki takhta pada tahun 1950 untuk meneruskan perjuangan rakyat Brunei dalam mengembalikan kedaulatan negara MIB. Baginda telah menggunakan

Oleh : Dr. Muhammad Hadi Muhammad Melayong
Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan Pejabat Sekretariat
Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja

strategi diplomasi dalam berhadapan dengan pihak British ibarat menarik rambut dalam tepung, tepung tidak akan terburai dan kenyataannya baginda telah berjaya mencapai cita-cita rakyat Brunei untuk mendapatkan kembali kedaulatan Negara Brunei Darussalam.

Sejarah perjuangan menuntut kemerdekaan ini perlu dipaparkan untuk tatapan dan pengetahuan golongan generasi muda masa kini dan masa akan datang supaya mereka sentiasa bersyukur akan kenikmatan yang dimiliki pada masa kini, hasil dari perjuangan yang telah dilakukan oleh generasi tua yang bersusah payah berkorban demi agama, bangsa dan negara. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah mengenai kepentingan sejarah yang perlu dirujuk dan dijadikan panduan dalam meniti arus pembangunan dan perkembangan negara sebagaimana titah baginda :

Sejarah adalah lidah kebenaran : lidah yang paling petah. Kita tidak boleh kunci lidah ini, melainkan, biarkan saja ia berkata-kata, kerana kata-katanya itu sangat telus dan amat berharga.

Sejarah tidak boleh dibisukan. Bangsa yang membisukan sejarahnya adalah pengecut. Oleh itu, wajar bagi kita menjadi bangsa yang berani : berani menyoal serta menyuluh ke dalam diri sendiri.

Ini caranya kita belajar dari sejarah dan berguru pada sejarah. Bangsa yang suka berguru pada sejarah adalah bangsa besar.

Daripada sejarah kita bermula, dan dari sejarah juga kita melakar nama. Demikianlah hebatnya sejarah itu.

Sejarah Brunei Darussalam, sedia terisi dengan satu 'nilai besar', MIB. Ia bukanlah pilihan, tetapi anugerah. Anugerah daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Selaku anugerah, nilainya tentulah lebih tinggi dari apa yang dihasilkan oleh tangan sendiri.

Ia menuntut kepada tanggungjawab, dan tanggungjawab itu pula bernama 'amanah'.

Siapakah yang bertanggungjawab itu? Jawabnya ialah kita semua, selaku bangsa

dan rakyat. Kita jawat anugerah ini, dan berikutnya kita pelihara ia, kita pakai dan kita pupuk terus, sebagai kebanggaan dan warisan.

Jangan biarkan ia pudar atau dipudarkan oleh sebarang pengaruh, sama ada pengaruh ideologi atau sistem, MIB, mungkin saja ada yang tidak sebulu.

Makanya coretan pendek ini dilakarkan adalah untuk renungan dan panduan kita dalam membangun negara ini selaras dengan Wawasan Negara 2035. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah akan terus melaksanakan dasar-dasar dan polisi paduka ayahanda baginda bagi memelihara keamanan dan juga kesejahteraan rakyat Negara Brunei Darussalam sebagai menghargai sumbangan generasi tua masa lalu dalam mempertahankan maruah bangsa, agama dan negara. Alhamdulillah, perjuangan yang dipelopori anak-anak tempatan yang disokong oleh Sultan Ahmad Tajuddin sendiri dan kemudian diteruskan oleh adinda baginda Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mengembalikan kedaulatan negara MIB telah tercapai pada 1 Januari 1984. Peristiwa-peristiwa yang dilalui dan dialami oleh pemimpin kita dan generasi tua kita hendaklah diambil iktibar dalam melaksanakan tugas dan amanah sebagai rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam untuk mengelakkan berlakunya sejarah berulang yang memang sentiasa berlaku dalam setiap kehidupan manusia. Dalam Al-Quran telah mencatatkan peristiwa-peristiwa sejarah anak Adam yang leka dan berfoya-foya dengan kemewahan dan kesenangan kehidupan dunia dan lupa akan perintah Tuhannya. Makanya sejarah masa lalu itu amat penting diketahui dan diajar kepada generasi muda supaya jejak dan langkah kita tidak tersasar dari jalan yang benar yang direcai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Usaha pertingkatkan sektor agri-perniagaan negara

RIMBA, Isnin, 30 Januari. - Kerajaan Australia memberi sokongan kepada visi dan misi ekonomi Brunei untuk mempercepatkan pertumbuhan, meningkatkan produktiviti, kemampanan dan menerokai pasaran eksport dalam meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) melalui sokongan dalam Sektor Agri-Perniagaan Brunei.

Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nicola Rosenblum berucap demikian dalam ucapan alu-aluannya pada Majlis Pembukaan Bengkel Pemudah Cara Pembangunan Agri-Perniagaan di Negara Brunei Darussalam (Facilitating Agribusiness Development in Brunei Darussalam) Kedua di Pusat Perniagaan Hortikultur, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali.

Lebih 50 peserta yang terdiri dari sektor awam dan kerajaan menghadiri bengkel selama empat hari yang bermula 30 Januari.

Bengkel tersebut merupakan hasil dapatan daripada bengkel pertama yang telah diadakan pada bulan April tahun lepas.

Seramai tiga fasilitator yang mempunyai kepakaran dan berpengalaman memudah cara bengkel berkenaan, iaitu Akademik Australia, Profesor Peter Batt; Dr. Nazrul Islam dan Dr. Amin Mugeru dari Institut Pertanian, Universiti Barat Australia (UWA).

Bengkel direka untuk memberi respons kepada keperluan kapasiti dan faedah yang dikenal pasti bagi para peserta dalam membuat keputusan.



PESURUHJAYA Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nicola Rosenblum (empat, kanan) dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali (tiga, kanan) antara yang hadir pada Majlis Pembukaan Bengkel Pemudah Cara Pembangunan Agri-Perniagaan di Negara Brunei Darussalam Kedua di Pusat Perniagaan Hortikultur.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Nurafilabibah Mohd. Shafiee
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

Dalam pada itu, bengkel tersebut dibiayai oleh Kerajaan Australia melalui Majlis Australia - ASEAN (AAC) dengan matlamatnya bagi meningkatkan kesedaran dan kesefahaman serta jalinan di antara

Institusi Australia dan ASEAN, termasuk Negara Brunei Darussalam sendiri.

PESURUHJAYA Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nicola Rosenblum ketika berucap pada Majlis Pembukaan Bengkel Pemudah Cara Pembangunan Agri-Perniagaan di Negara Brunei Darussalam Kedua (kanan).

Projek-projek dibiayai dari sokongan kerjasama termasuk dalam bidang seni, kemudahan pengongsian pengetahuan dalam bantuan bencana dan integrasi kewangan serta program-program ke arah menyokong penyertaan wanita dalam bidang sukan di peringkat elit.



Mangsa kebakaran di Kampung Sungai Tanit terima sumbangan



PEMANGKU Pengetua Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Temburong, Awang Abdul Wafi Sia bin Abdullah Sia (tengah) menyerahkan sumbangan kepada ketua keluarga yang ditimpa musibah, Awang Mohammad bin Haji Tahir (tiga, kanan).

Berita dan Foto : Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain

TEMBURONG, Isnin, 30 Januari. - Atas dasar keprihatinan bagi meringankan beban mangsa kebakaran, Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Temburong (SMSHBT) menyumbangkan derma berjumlah hampir BND400 kepada mangsa tragedi kebakaran di Kampung Sungai Tanit, Jalan Kampung Menengah pada bulan Disember lalu.

Penyerahan sumbangan berlangsung di Bilik Pengetua SMSHBT itu disampaikan oleh Pemangku Pengetua SMSHBT, Awang Abdul Wafi Sia bin Abdullah Sia kepada ketua keluarga yang ditimpa musibah itu, Awang Mohammad bin Haji Tahir.

Juga hadir, Timbalan Pengetua Pentadbiran, SMSHBT, Awang Helmy bin Haji Abd. Rahman serta Guru-guru

Hal Ehwal Pelajar sekolah berkenaan. Sumbangan merupakan hasil kutipan daripada guru-guru, kakitangan sekolah serta para pelajar sekolah itu yang bermula dari 18 hingga 26 Januari yang lalu.

Mangsa kebakaran, Awang Mohammad, 41, yang ditemani isteri dan anak-anaknya melahirkan ucapan terima kasih di atas sumbangan yang dihulurkan dan sedikit sebanyak akan meringankan beban mereka sekeluarga.

Peristiwa pilu itu meranapkan rumah kayu tempat mereka berlindung selama ini bersama tanggungannya iaitu isteri dan lima orang anaknya yang masih bersekolah.

Bukan itu sahaja, kejadian itu juga menyebabkan kereta miliknya juga terbakar dijilat api semasa kebakaran itu terjadi.

'P5O17 : Platform for Success' tingkat pencapaian peperiksaan pelajar



SEBAHAGIAN daripada ibu bapa dan penjaga pelajar Tahun 11 yang mengadakan perjumpaan dan perbincangan bersama guru-guru kelas.

Success', iaitu untuk melatih para pelajar cara-cara menjawab soalan peperiksaan yang sebenar dari peringkat awal, memberikan peluang guru-guru lain dalam mata pelajaran yang sama membantu di antara satu dengan yang lain dalam membimbing para pelajar, serta bagi membantu para pelajar untuk meningkatkan pencapaian keputusan mereka berdasarkan 'Traffic Light Grouping System'.

Taklimatnya juga menghuraikan mengenai maksud 5 'O' yang bererti sasaran sekolah untuk meningkatkan jumlah pelajar yang memperoleh lima Keupujian (Credits), iaitu 'Overcome' atau 'Mengatasi', 'Optimistik', 'Opportunity', 'Open-minded' dan 'Outcome' yang menjurus pada kejayaan pelajar dalam peperiksaan yang akan ditempuhi nanti.

Sejurus taklimat, guru-guru kelas mengadakan perjumpaan bersama

para ibu bapa dan penjaga juga pelajar serta menyaksikan kedudukan pelajar menerusi 'Traffic Light Grouping System'.

Timbalan Pengetua Akademik SMSHBT, Awang Rosman ketika ditemui menjelaskan, program itu akan dijalankan selama enam bulan, bermula dari 6 Februari sehingga 22 Julai 2017, iaitu dilaksanakan setiap hari bersekolah sebelah petang bermula 1.30 petang sehingga 4.15 petang menggantikan kelas-kelas tambahan dengan masa satu jam 15 minit bagi setiap subjek.

Mengenai 'Traffic Light Grouping System', iaitu kod warna yang mengikut sasaran keputusan pelajar, beliau menjelaskan dari jumlah keseluruhan 116 pelajar itu, 21 pelajar dalam kod berwarna hijau yang disasarkan akan beroleh lima 'O' Level ke atas, 49 dalam kod kuning (tiga dan empat 'O' Level) dan 46 termasuk di dalam kod warna merah, iaitu yang

mendapat dua 'O' Level ke bawah.

Penilaian program tambahnya, akan dibuat melalui keputusan Peperiksaan 'Standardised Secondary Assessment' atau 'SSA', iaitu SSA1 selepas Peperiksaan Pertengahan Tahun pada bulan April serta pada 'SSA2' pada Peperiksaan Kelayakan pada bulan Ogos.

Oleh itu, Awang Rosman berharap penganjuran taklimat ini akan memberikan kefahaman yang lebih mendalam kepada para ibu bapa dan penjaga mengenai penganjuran program akademik ini yang sudahpun memasuki tahun ketiga pelaksanaannya, serta mengharapkan komitmen penuh daripada ibu bapa dan penjaga terutama dalam memastikan kehadiran pelajar ketika program dilaksanakan bermula bulan Februari depan, di samping sentiasa membuat pemantauan terhadap pembelajaran anak-anak mereka di rumah.

Berita dan Foto : Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain



TIMBALAN Pengetua Akademik Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Temburong, Awang Rosman bin Haji Kasah semasa ditemu bual.

TEMBURONG, Isnin, 30 Januari. - Dalam membarigakan mengenai Program Akademik 'P5O17 : Platform for Success' yang dilaksanakan oleh Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Temburong (SMSHBT) bagi pelajar Tahun 11 yang akan menduduki Peperiksaan GCE 'O' Level dan IGCSE pada tahun ini, satu taklimat telah diadakan khusus bagi ibu bapa dan penjaga pelajar Tahun 11 sekolah berkenaan yang berlangsung di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar, di sini.

Juga hadir semasa taklimat ini Pemangku Pengetua SMSHBT, Awang Abdul Wafi Sia bin Abdullah Sia serta guru-guru kanan sekolah berkenaan.

Timbalan Pengetua Akademik SMSHBT, Awang Rosman bin Haji Kasah, dalam taklimatnya antara lain menjelaskan mengenai objektif pelaksanaan 'P5O17 : Platform for



PARA pelajar Tahun 11 bersama ibu bapa dan penjaga mereka ketika menghadiri taklimat mengenai Program Akademik 'P5O17 : Platform for Success'.

BIBD pertingkatkan pengetahuan kewangan Islam

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 31 Januari. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) telah mengadakan satu sesi perbincangan petang khas terbuka dengan ulama Syariah dunia terkemuka, Datuk Dr. Mohd. Daud Bakar dan bersama kakitangan BIBD baru-baru ini.

Sesi diadakan bagi mempertingkatkan pemahaman kewangan Islam yang lebih baik seiring perkembangan baharu dalam dunia kewangan Islam.

Datuk Dr. Mohd. Daud Bakar membicarakan mengenai minda Syariah dalam perspektif perbankan hari ini, di samping menyentuh tentang keindahan kewangan Islam dalam peranannya sebagai pengasas utama inklusif dan sebenar aktiviti ekonomi yang bukan hanya kepada umat Islam malah kepada semua.

Beliau juga bercakap tentang bagaimana Syariah merupakan komponen yang penting bukan sahaja dari segi transaksi perbankan, tetapi

juga termasuk semua aktiviti yang berkaitan dengan perniagaan.

Pengarah Urusan BIBD, Mubashar Khokhar, melahirkan penghargaan terima kasih kepada Datuk Dr. Mohd. Daud Bakar kerana meluangkan masa untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman yang bermanfaat dengan warga BIBD.

"Kami di BIBD sentiasa mencari peluang untuk mempertingkatkan lagi keupayaan kami untuk lebih menyumbang kepada pembangunan Islam negara," jelasnya.

Datuk Dr. Mohd Daud Bakar merupakan Pengerusi Jawatankuasa Majlis Penasihat Syariah di Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan dan Perbadanan Pengurusan Mudah Tunai Islam Antarabangsa (IILM).

Pada masa yang sama juga berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Syariah dalam pelbagai institusi kewangan termasuk Bank Negara



DATUK Dr. Mohd. Daud Bakar semasa memberikan ceramah dalam sesi perbincangan terbuka bersama kakitangan BIBD.

Oman, Noor Islamic Bank (Dubai), Amundi Asset Management (Perancis), Morgan Stanley (Dubai), Bank of London dan Timur Tengah (London), BNP Paribas (Bahrain), Indeks Dow Jones Islamic Market

(New York) dan lainnya. Antara penghormatan yang dicapainya termasuk 'Shariah Scholar of the Year 2015' pada Sidang Kemuncak Sukuk London, 'The Asset Triple A Industry Leadership Award'

di The Asset Triple A Islamic Finance Award 2014 dari Majalah The Asset serta mendapat pengiktirafan 'Most Outstanding Individual' yang dianugerahkan oleh Yang Di-Pertuan Agong Malaysia.



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI

www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 7(A)

BILANGAN IKLAN 10/02/17 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 01 FEBRUARI 2017

TARIKH TUTUP: 15 FEBRUARI 2017

1. JURUTEKNIK UKUR KANAN
C.2 EB.3
BAHAGIAN III
JABATAN UKUR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
KEKOSONGAN 1

2. PENYELENGGARA STOR TINGKAT III
E.1-2-3 EB.4
BAHAGIAN V
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
KEKOSONGAN 2

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di www.recruitment.gov.bn

HELPLINE:

TALIAN DARUSSALAM 123



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI

www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 7(A)

BILANGAN IKLAN 9/2/17 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 30 JANUARI 2017

TARIKH TUTUP: 13 FEBRUARI 2017

1. PENYELIA ASRAMA TINGKAT III
D.3-4 EB.5-6
BAHAGIAN IV
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
KEKOSONGAN : 1

PERATURAN 38(B)

BILANGAN IKLAN 4/2017 (SPA/BIKL)

Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian/ jabatan dimana kekosongan jawatan diiklankan.

TARIKH IKLAN: 30 JANUARI 2017

TARIKH TUTUP: 20 FEBRUARI 2017

1. PEGAWAI PERIKANAN KANAN
B.3
BAHAGIAN II
JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
KEKOSONGAN : 1

PEMBETULAN

PERATURAN 7(A)

BILANGAN IKLAN 8/1/17 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 25 JANUARI 2017

TARIKH TUTUP: 08 FEBRUARI 2017

1. PEMBANTU TEKNIK KANAN
C.2 EB.3
BAHAGIAN III
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
KEKOSONGAN : 17

Untuk Makluman, terdapat perubahan Tugas dan Tanggungjawab bagi jawatan tersebut di atas di Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Bagi melihat skim yang telah dikemaskini sila layari www.recruitment.gov.bn.

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di www.recruitment.gov.bn

HELPLINE:

TALIAN DARUSSALAM 123



BAHAGIAN KESELAMATAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

BILANGAN TAWARAN : KSSUP/AFS/8Q NO. 001 /2017 ®
TAJUK TAWARAN : TECHNICAL SERVICE FOR PROPER DISPOSAL OF CHEMICALS LABORATORY WASTE AT AGRIFOOD SAFETY DIVISION, MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM

TARIKH TUTUP TAWARAN : 9 FEBRUARI 2017, KHAMIS, JAM : 2.00 PETANG

TEMPAT MENGHANTAR : PETI SEBUT HARGA, TINGKAT BAWAH, BANGUNAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

1. TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada alamat berikut tidak lewat dari jam 2.00 petang, Khamis, 9 Februari 2017.

Pengerusi

Jawatankuasa Sebut Harga

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Jalan Menteri Besar, BB3910

Negara Brunei Darussalam.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan / tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti syarikat / pembekal.

4. Satu contoh dokumen tawaran akan diperlihatkan dan pembayaran yuran boleh dibuat di Tingkat 4, Bahagian Pengurusan dan Kewangan, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Jalan Menteri Besar, BB3910, Negara Brunei Darussalam.

5. Dokumen dan borang tawaran boleh diperolehi di Ibu Pejabat, Bahagian Keselamatan Agrimakanan, Jalan Perusahaan Serasa, Muara dengan membawa dan melihatkan resit pembayaran yang telah pun dibuat di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

6. Harga Dokumen tawaran akan dikenakan sebanyak BND5.00 (tidak dikembalikan) bagi setiap tawaran dan pembayaran boleh dibuat pada waktu berkerja :

Isnin hingga Khamis

8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi

1.30 Petang hingga 3.00 Petang

Sabtu

8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.

8. Salinan sijil pendaftaran perniagaan dan salinan kad pengenalan hendaklah disertakan bersama.

9. Penjualan borang dokumen tawaran berakhir pada 7 Februari 2017 (Selasa), jam 10.00 Pagi.



JABATAN PERBENDAHARAAN KEMENTERIAN KEWANGAN

PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA

BILANGAN SEBUT HARGA :

JPKK/A/479.Q8/2016

TAJUK SEBUT HARGA :

PEMBEKALKAN, PENGHANTARAN,
PEMASANGAN DAN UJI CUBA
PERALATAN GUNA-HABIS BAGI
FACILITY INFRASTRUCTURE SERVICE
(FIS), PUSAT DATA
KEMENTERIAN KEWANGAN

Tarikh Tutup / Jam :

6 Februari 2017 (Isnin), 9.00 Pagi

Tempat Mengambil Borang Sebut Harga :

Peti Sebut harga (Quotation Box)

Jabatan Perbendaharaan

Level 2, Tower Block

Bangunan Kementerian Kewangan

Commonwealth Drive, BB3910

Negara Brunei Darussalam.

Syarat-Syarat Penyertaan

1. PEMOHON adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berdaftar terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Pemohon hendaklah menggunakan borang asal yang dikeluarkan oleh Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan Negara Brunei Darussalam.

3. Borang tawaran hendaklah disertakan salinan **SIJIL PENDAFTARAN**

PERNIAGAAN 16 dan 17 hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang tertutup (*sealed envelop*) menulis dengan jelas dengan menyatakan **TAJUK** dan **BILANGAN TAWARAN** serta **TARIKH TUTUP** tanpa membubuh sebarang pengenalan atau identiti syarikat / pemborong.

4. Setiap borang tawaran hendaklah diisi dengan lengkap dan dicap syarikat dengan menggunakan dakwat BIRU sahaja.

5. Borang tawaran hendaklah dikembalikan dan dimasukkan ke dalam **PETI TAWARAN SEBUT HARGA JABATAN PERBENDAHARAAN** yang ditujukan kepada :

PENGERUSI

JAWATANKUASA SEBUT HARGA

JABATAN PERBENDAHARAAN

TINGKAT 2, TOWER BLOCK

BANGUNAN KEMENTERIAN

KEWANGAN

COMMONWEALTH DRIVE, BB3910

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

6. Tarikh akhir menghantar : **6 Februari 2017 (Isnin) sebelum jam 9.00 Pagi.**

7. Setiap satu borang tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat.

8. Borang tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan **TIDAK AKAN DILAYAN.**



JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA/JKSH/149/2016/2017
[BPPA-JAN-2017]

KETERANGAN :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH KATOK 'B', KLUSTER 1, DAERAH BRUNEI MUARA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN + SATU (1) TAHUN

BAYARAN YURAN / DOKUMEN SEBUT HARGA : BND5.00
[Bayaran Dokumen Sebut Harga tidak dikembalikan]
TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
18 Februari 2017
[tidak lewat jam 9.00 Pagi]

HARI DAN WAKTU PENERIMAAN WANG BAYARAN YURAN / DOKUMEN SEBUT HARGA

Isnin hingga Khamis :
8.00 Pagi hingga 11.45 Pagi
1.45 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu
8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi

SYARAT-SYARAT IKLAN SEBUT HARGA

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dimiliki dan dijalankan oleh warga tempatan.
2. Bayaran dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga adalah dikehendaki dalam bentuk wang tunai. Penender adalah dikehendaki membayar semua bayaran dokumen sebut harga seperti yang diiklankan yuran sebut harga tidak akan dikembalikan kepada setiap penender sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar sebut harga yang jujur (*bona-fide-tender*).
3. Kadar bayaran dokumen sebut harga adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan sebut harga.
4. Sebelum mengambil borang, setiap

penender hendaklah membayar borang dokumen sebut harga, di Tingkat 1, Blok 'B', Kaunter 1, Unit Tunai dan Hasil, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'B', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam. Sila pastikan resit pembayaran borang dokumen sebut harga yang diterima adalah betul.

5. Borang-borang sebut harga boleh diperoleh di Tingkat 1, Blok A, Kaunter 6, Unit Tawaran dan Sebut Harga Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam dengan menyertakan resit pembayaran dokumen.

Nama Penghutang - Norhasnoni bte Hj. Mohd Said (No. 00-123011). **Alamat** - No. 7, Simpang 74-41-31, Kampong Mata-Mata Gadong, BE1718, Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 343-2005. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 50 sen. **Pertama atau Terakhir atau selainnya** - Pertama. **Bila dibayar** - 7 Mac 2017. **Di mana kena bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.
3 Januari 2017.

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN
PERTAMA**

Nama Penghutang - Mohd Shahrizan bin Abdul Latif (No. 00-290179). **Alamat** - No. 3, Simpang 475, Kg. Kupang, Jalan Tutong TB2941, Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 140-2008. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 50 sen. **Pertama atau Terakhir atau selainnya** - Pertama. **Bila dibayar** - 10 Januari 2017. **Di mana kena bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.
3 Januari 2017.

**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar.**



MAHKAMAH PEGAWAI WARIS BANDAR SERI BEGAWAN

**DI DALAM MAHKAMAH
PEGAWAI WARIS
BANDAR SERI BEGAWAN**

**SURAT KUASA PUSAKA :
LA/20/2017**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **MERIAH BINTI HAJI METUSSIN** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **ABIDAN BIN HAJI MALOK** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati. Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **7 FEBRUARI 2017, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 18 Januari 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA :
LA/19/2017**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **PG. MAHARI BIN PG. HAJI SULAIMAN** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **PENGIRAN HAJI SULAIMAN BIN PENGIRAN KULA** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati. Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **14 FEBRUARI 2017, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta

pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 18 Januari 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA :
LA/13/2017**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI MOHAMMAD SHAHRUL RIDZUAN BIN HAJI JULAIHI** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **DAYANGKU HAJAH RAHAMAH BINTI PENGIRAN HAJI MAT JA'AFAR** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **14 FEBRUARI 2017, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 18 Januari 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA :
LA/14/2017**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI MOHAMMAD SHAHRUL RIDZUAN BIN HAJI JULAIHI** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI JULAIHI**

BIN PEHIN Khatib Haji Mohd. Yussof yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **14 FEBRUARI 2017, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 18 Januari 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA :
LA/21/2017**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI JOHARA BIN HAJI DAUD** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI AZIZ BIN HAJI JOHARA** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BAPA** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **31 JANUARI 2017, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 19 Januari 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA :
LA/22/2017**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **LEE CHUN JET** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **VOO KUI FAH** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **31 JANUARI 2017, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 19 Januari 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA :
LA/04/2017**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **YONG HO ONN** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **YONG FOH BAN** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ADIK BERADIK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **31 JANUARI 2017, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 19 Januari 2017.

**(MUHAMMAD AMIN LIM CHING)
Penolong Pegawai Waris
Negara Brunei darussalam.**

**JABATAN PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**BILANGAN SEBUT HARGA :
JPN/K/1/11/TT/2017/16**

**TAWARAN PEMELIHARAAN
KAWASAN LANDSKAP
BANGUNAN MAHKAMAH TINGGI,
BANGUNAN UNDANG-UNDANG,
BANGUNAN UNDANG-UNDANG DAN
MAHKAMAH-MAHKAMAH,
JALAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong tempatan bagi **Pemeliharaan kawasan landskap Bangunan Mahkamah Tinggi** (High Court Building), **Bangunan Undang-Undang** (Law Building), **Bangunan Undang-Undang Dan Mahkamah-Mahkamah** (Law And Court Building), **Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Negara Brunei Darussalam.**

2. Setiap pemborong-pemborong hendaklah membuat salinan *hardcopy* daripada CD yang diperolehi dari Pejabat ini dan

memasukkan ke dalam Peti Tawaran yang beralamat seperti di bawah :

**Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
Tingkat II, Bangunan Undang-Undang
dan Mahkamah-Mahkamah
Pejabat Peguam Negara
Jabatan Perdana Menteri
Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha
Negara Brunei Darussalam.**

Tidak lewat jam 2.00 Petang, Selasa, 14 Februari 2017.

3. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.

4. Semua tawaran hendaklah dikirim dengan sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) tanpa menunjukkan sebarang identiti pemborong. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah dituliskan **Pemeliharaan kawasan landskap Bangunan Mahkamah Tinggi** (High Court Building), **Bangunan Undang-Undang** (Law Building), **Bangunan Undang-Undang Dan Mahkamah-Mahkamah** (Law And Court Building), **Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Negara Brunei Darussalam.**

5. Bayaran tawaran (*tender fee*) hendaklah dibayar ke **Pejabat Peguam Negara, Jabatan Perdana Menteri, Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah** (Law & Court Building), **Tingkat II, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha**, bagi mendapatkan CD dengan harga BND5.00 (tunai). Wang ini tidak akan dikembalikan.

**Waktu Menerima Bayaran
Isnin hingga Khamis
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu
8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi**

6. Tawaran ini adalah untuk tempoh **satu (1) tahun.**

7. Cekera Padat dan keterangan lanjut mengenai perkara ini bolehlah diperoleh seperti alamat yang dinyatakan di peranggan 5 di atas.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau apa-apa jua tawaran.

**MAHKAMAH BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN
TERAKHIR**

Nama Penghutang - Ong Yee Lui (No. 00-290564). **Alamat** - No. 57, Kampong Madang, Jalan Berakas, BC3715, Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 443 - 2010. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100 sen. **Pertama atau Terakhir atau selainnya** - Terakhir. **Bila dibayar** - 16 Februari 2017. **Di mana kena bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Resmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam. 12 Disember 2016.

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN
TERAKHIR**

Nama Penghutang - Abdul Rahman bin Helen (No. 00-057978). **Alamat** - No. 5, Simpang 41-11, Perpindahan Kg Mentiri, Jalan Kota Batu, BU2129, Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 60 - 2009. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100 sen. **Pertama atau Terakhir atau selainnya** - Terakhir. **Bila dibayar** - 16 Februari 2017. **Di mana kena bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Resmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam. 10 Disember 2016.

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN
TERAKHIR**

Nama Penghutang - Hj Suhaili bin Ahmad @Hj Suhaili bin Siput (BYIC No. 00-034638). **Alamat** - No. 38E, Simpang 55-22, RPN Kampong Pandan, Kuala Belait KA 3131, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 85 - 2003. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100 sen. **Pertama atau Terakhir atau selainnya** - Terakhir. **Bila dibayar** - 17 Januari 2017. **Di mana kena bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Resmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Negara Brunei Darussalam. 17 Disember 2016.

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN
TERAKHIR**

Nama Penghutang - Mohammad Diney Hainijam bin Awang Hj. Maidin (No. 00-271840). **Alamat** - No. 85, Kampong

Batu Marang, Jalan Kota Batu, BU1519, Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 18 - 2012. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100 sen. **Pertama atau Terakhir atau selainnya** - Terakhir. **Bila dibayar** - 3 Mac 2017. **Di mana kena bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Resmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam. 3 Januari 2017.

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN
TERAKHIR**

Nama Penghutang - Jijah bte Ampuan Sulaiman (No. 00-052275). **Alamat** - No. 4, Simpang 15-3, Jln. 3, RPN Kg. Rimba, Gadong. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 120 - 2004. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100 sen. **Pertama atau Terakhir atau selainnya** - Terakhir. **Bila dibayar** - 3 Mac 2017. **Di mana kena bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Resmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam. 3 Januari 2017.

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN
TERAKHIR**

Nama Penghutang - Sahdan bin Hj. Mohiddin (No. 00-066040). **Alamat** - No. 12, Simpang 113-12, STKRJ Perpindahan Kg Rimba, Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 200 - 2007. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100 sen. **Pertama atau Terakhir atau selainnya** - Terakhir. **Bila dibayar** - 7 Mac 2017. **Di mana kena bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Resmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam. 3 Januari 2017.

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN
TERAKHIR**

Nama Penghutang - Emran bin Yahya (No. 00-311507). **Alamat** - No. 694, Simpang 694 Kg Bunut, Jln Tutong, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 177 - 2010. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100 sen. **Pertama atau Terakhir atau selainnya** - Terakhir. **Bila dibayar** - 3 Mac 2017. **Di mana kena bayar** - Pejabat

Pegawai Penerima Resmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam. 3 Januari 2017.

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN
TERAKHIR**

Nama Penghutang - Dayang Napisah bte Simpol (No. 00-067646). **Alamat** - No. 1, Simpang 69, Jalan Sungai Cerana, Skim Perumahan Negara Kg. Panchor Mengkabau, BU1929 Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 60 - 2009. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100 sen. **Pertama atau Terakhir atau selainnya** - Terakhir. **Bila dibayar** - 7 Mac 2017. **Di mana kena bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Resmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam. 3 Januari 2017.

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN
TERAKHIR**

Nama Penghutang - Matussin bin Bakar (No. 00-068546). **Alamat** - No. 16, Lot 418 Jalan Pandan Tujoh, Kuala Belait KA1931, Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 180 - 2005. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 94 sen. **Pertama atau Terakhir atau selainnya** - Terakhir. **Bila dibayar** - 8 Mac 2017. **Di mana kena bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Resmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam. 29 Disember 2016.

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN
TERAKHIR**

Nama Penghutang - Pg. Tejuddin bin Pg. Said (No. 00-046408). **Alamat** - No. 7, Perumahan Kg. Pandan, KB6681, Kuala Belait, Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 98 - 1997. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100 sen. **Pertama atau Terakhir atau selainnya** - Terakhir. **Bila dibayar** - 8 Mac 2017. **Di mana kena bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Resmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam. 28 Disember 2016.

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN
TERAKHIR**

Nama Penghutang - Hj. Seridun bin Hj. Jaya (No. 00-259087). **Alamat** - No. 19, Simpang 107, Kg Kiulap, BE1518, Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 123 - 2009. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100 sen. **Pertama atau Terakhir atau selainnya** - Terakhir. **Bila dibayar** - 8 Mac 2017. **Di mana kena bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Resmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam. 28 Disember 2016.

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN
TERAKHIR**

Nama Penghutang - Abdul Rahman bin Helen (BYIC No. 00-057978). **Alamat** - No. 5, Simpang 41-11, Perpindahan Kg. Mentiri, Jalan Kota Batu BU2129, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 60 Tahun 2009. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100.00 sen. **Pertama atau Terakhir atau selainnya** - Terakhir. **Bila dibayar** - 16 Disember 2017. **Di mana kena bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Resmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam. 10 Disember 2016.

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN
TERAKHIR**

Nama Penghutang - Rasiah bte Bakar (BYIC No. 00-046950). **Alamat** - Bilik No. 1, Flat Sekolah Rendah Dato Maha Wangsa Lambak, Jalan Berakas BB171, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 345 Tahun 2011. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100.00 sen. **Pertama atau Terakhir atau selainnya** - Terakhir. **Bila dibayar** - 16 Februari 2017. **Di mana kena bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Resmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam. 10 Disember 2016.

**Timbalan Pegawai Penerima Resmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam.**

RUMUSAN HARGA BARANGAN TERPILIH MINGGU KELIMA, DARI 31 JANUARI 2017 HINGGA 5 FEBRUARI 2017

BL	DESCRIPTION	FIRST EMPORIUM	HUA HO TANJUNG BUNUT	JAYA CENTREPOINT HYPERMART	SIFANA SON BHD	SIM KIM HUAT KILAP	SIM KIM HUAT SENGKURONG	SUPA SAVE & SMART	UTAMA GRAND SUPERSTORE SON BHD
1	Butter/Margarine								
	Golden Churn - 340g	\$ 5.20	\$ 5.10	\$ 5.10	\$ 4.95	\$ 4.90	\$ 4.90	\$ 5.30	\$ 4.90
	Planta Margarine - 480g	\$ 3.60	\$ 3.50	\$ 2.99	\$ 3.50	\$ 3.39	\$ 3.39	\$ 3.90	\$ 3.39
	CBE - 454g	\$ -	\$ 7.40	\$ 6.39	\$ 7.20	\$ 7.20	\$ 6.99	\$ -	\$ -
2	Canned Preserved Food								
	Yeo's Chicken Curry - 145g	\$ 1.50	\$ 1.60	\$ 1.45	\$ 1.30	\$ 1.50	\$ 1.50	\$ 1.35	\$ 1.50
	Reo Chicken Curry - 160g	\$ 1.70	\$ 1.60	\$ 1.60	\$ 1.60	\$ 1.50	\$ 1.50	\$ -	\$ 1.69
	Ayam Brand Sardine In Tomato Sauce Tall - 230g	\$ 2.40	\$ 2.40	\$ 2.40	\$ 2.30	\$ 2.09	\$ 2.20	\$ 2.40	\$ 2.50
	Ayam Brand Sardine In Tomato Sauce Oval - 215g	\$ 2.40	\$ 2.45	\$ 2.25	\$ 2.25	\$ 2.19	\$ 2.20	\$ 2.45	\$ 2.50
	Smiling Fish Fried Baby Clam with Chili - 40g	\$ 1.15	\$ 1.15	\$ -	\$ 1.15	\$ 1.09	\$ 1.15	\$ 1.20	\$ -
	Smiling Fish Crispy Baby Clam - 30g	\$ 1.20	\$ 1.15	\$ 1.39	\$ 1.20	\$ 1.05	\$ 1.15	\$ 1.20	\$ 1.20
	Kara Natural Coconut Extract - 200ml	\$ 1.20	\$ 1.20	\$ 1.10	\$ 1.10	\$ 0.99	\$ 1.05	\$ 1.10	\$ 1.05
	Ayam Brand Coconut Milk Blue Packet - 200ml	\$ 1.10	\$ 1.10	\$ 0.95	\$ 1.10	\$ 1.00	\$ 1.10	\$ 1.10	\$ 1.10
	Ayam Brand Coconut Milk Blue Tin - 270ml	\$ 1.80	\$ 1.80	\$ 1.65	\$ 1.85	\$ 1.70	\$ 1.80	\$ 1.90	\$ 1.80
	Chokoh Coconut Milk Gata - 400ml	\$ 1.60	\$ 1.60	\$ 1.45	\$ 1.60	\$ 1.45	\$ 1.45	\$ 1.60	\$ 1.55
	Babu Kitchen Coconut Milk Indo - 400ml	\$ 1.75	\$ 1.80	\$ 1.75	\$ 1.75	\$ 1.69	\$ 1.75	\$ 1.90	\$ 1.75
3	Chicken Eggs (Telur Ayam)								
	1 Dozen (Size M/B) - 10Pcs	\$ -	\$ 1.70	\$ -	\$ 2.00	\$ 1.90	\$ 2.00	\$ -	\$ 2.00
	1 Tray (30 biji) (Size M/B) - 1 tray	\$ -	\$ 4.30	\$ 5.30	\$ -	\$ 4.50	\$ 4.40	\$ -	\$ 4.99
4	Condensed Milk (Susu Meringkat)								
	FBN - 390g	\$ 1.00	\$ 1.05	\$ 1.00	\$ 0.95	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 1.00
	Milkmaid - 388g	\$ -	\$ 1.05	\$ -	\$ -	\$ 1.05	\$ 1.05	\$ 1.05	\$ -
	Teapot - 388g	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 1.25	\$ -
5	Cooking Oil (Minyak Masak)								
	Labour - 2kg	\$ 4.20	\$ 4.20	\$ 3.49	\$ 4.20	\$ 4.20	\$ 4.10	\$ 4.20	\$ 4.19
	Labour - 5kg	\$ -	\$ 10.05	\$ 9.29	\$ 9.50	\$ 9.79	\$ 9.70	\$ 10.05	\$ 9.99
	Mazola Com - 3kg	\$ -	\$ 16.35	\$ -	\$ 16.50	\$ 15.75	\$ 15.90	\$ 16.80	\$ 16.69
	Naturel Sunflower - 3kg	\$ -	\$ 10.80	\$ 6.90	\$ -	\$ 10.50	\$ 10.20	\$ 10.30	\$ 9.99
	Sania - 2ltr	\$ -	\$ 3.05	\$ -	\$ 3.50	\$ -	\$ -	\$ 3.30	\$ -
	Sania - 5ltr	\$ -	\$ 7.30	\$ 7.50	\$ 6.90	\$ 6.90	\$ 6.99	\$ 6.90	\$ -
	Seri Mumi - 2kg	\$ -	\$ 3.60	\$ 3.39	\$ 3.99	\$ 3.55	\$ 3.50	\$ 3.30	\$ 3.60
	Seri Mumi - 5kg	\$ 7.90	\$ 7.60	\$ 7.59	\$ 7.49	\$ 7.99	\$ 8.20	\$ 7.75	\$ 7.99
	Sunco - 2ltr	\$ -	\$ 4.10	\$ 3.99	\$ 4.15	\$ 4.05	\$ 4.05	\$ 4.10	\$ 3.99
	Sunco - 5ltr	\$ -	\$ 9.40	\$ 8.99	\$ 9.20	\$ 9.29	\$ 8.99	\$ 9.80	\$ 9.29
6	Cordial Syrups								
	FBN Sun Valley Grenadine - 2ltr	\$ -	\$ 4.15	\$ -	\$ 4.80	\$ -	\$ 3.80	\$ 5.20	\$ -
	FBN Sun Valley Rose - 2ltr	\$ -	\$ -	\$ 4.60	\$ 4.80	\$ -	\$ -	\$ 5.20	\$ -
	FBN Sun Valley Sarsaparilla - 2ltr	\$ -	\$ 4.15	\$ -	\$ 4.80	\$ 3.49	\$ 4.90	\$ 5.20	\$ -
	Ria Kordial Rose - 2ltr	\$ -	\$ 4.60	\$ -	\$ -	\$ 4.49	\$ 4.10	\$ 4.55	\$ -
	Ria Kordial Sarsaparilla - 2ltr	\$ -	\$ 4.60	\$ -	\$ -	\$ 4.49	\$ 4.40	\$ 4.55	\$ -
	Rose Brand Rose Syrup Flavour - 750ml	\$ 3.95	\$ 4.20	\$ 3.85	\$ -	\$ 3.79	\$ 3.99	\$ 3.45	\$ 4.20
7	Detergents								
	Ekonomi Handapan Putih Kekal Baru - 2.5kg	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 5.50	\$ -
	DAVA Excellent Washing Powder - 2.5kg	\$ 6.40	\$ 6.55	\$ 5.89	\$ 6.20	\$ 5.99	\$ 5.99	\$ 6.50	\$ 6.90
	Breeze Liquid Detergent - 2000ml	\$ -	\$ -	\$ 5.99	\$ 5.90	\$ 5.90	\$ 5.99	\$ -	\$ -
	Clorn Liquid Bleach - 1ltr	\$ -	\$ 1.90	\$ 1.90	\$ 1.85	\$ 1.95	\$ 1.90	\$ 2.00	\$ 1.90
	Cocorex Liquid Bleach - 1ltr	\$ -	\$ 1.60	\$ -	\$ 1.65	\$ 1.70	\$ 1.50	\$ 1.60	\$ 1.65
8	Dried Noodles								
	Cap Linau Mee Hoon - 400g	\$ 1.10	\$ 1.05	\$ 0.99	\$ 1.05	\$ 0.99	\$ 1.05	\$ 1.00	\$ 1.10
	Cap Ulang MBS - Medium Flat Sabah - 400g	\$ 2.00	\$ 1.90	\$ 1.80	\$ 1.05	\$ 1.90	\$ 1.85	\$ -	\$ 1.80
	Falcon & Moon Stick Noodle Tai Thong - 150g	\$ 0.50	\$ 0.55	\$ 0.55	\$ 0.50	\$ 0.45	\$ 0.50	\$ 0.55	\$ -
	Wai Wai Oriental Style - 400g	\$ 1.30	\$ 0.99	\$ 1.55	\$ 1.50	\$ 1.30	\$ 1.30	\$ 1.05	\$ 1.29
9	Evaporated Milk (Susu Cair)								
	Cow Bell - 400g	\$ 1.00	\$ 1.00	\$ 1.00	\$ -	\$ 0.99	\$ 0.99	\$ 1.00	\$ 1.05
	FBN - 400g	\$ -	\$ 1.20	\$ 1.15	\$ 0.99	\$ 1.10	\$ 1.10	\$ -	\$ 1.10
	Neel - 405g	\$ -	\$ 1.45	\$ -	\$ 1.40	\$ 1.50	\$ 1.45	\$ 1.45	\$ -
10	Flour (Tepung)								
	Green SF Interflour - 1kg	\$ 1.35	\$ 1.40	\$ 1.35	\$ -	\$ 1.29	\$ 1.60	\$ 1.25	\$ -
	Prima Plain - 1kg	\$ 2.25	\$ 2.35	\$ 2.05	\$ 2.10	\$ 2.09	\$ 2.20	\$ 2.00	\$ 2.15
11	Fresh Chicken (Ayam Segar)								
	Chicken Breasts (Dada) - 1kg	\$ 3.80	\$ 3.90	\$ 3.99	\$ -	\$ 3.49	\$ 3.49	\$ 9.30	\$ 3.99
	Chicken Drumsticks (Peha) - 1kg	\$ 6.00	\$ 6.20	\$ 5.99	\$ -	\$ 3.90	\$ 4.15	\$ 6.50	\$ 5.99
	Chicken Wings (Sayap) - 1kg	\$ 7.00	\$ 7.90	\$ 6.50	\$ -	\$ 6.99	\$ 6.49	\$ 9.50	\$ 6.99
	Whole Chicken (Bekal) - 1kg	\$ 4.30	\$ 4.30	\$ 4.29	\$ 4.30	\$ 4.29	\$ 4.29	\$ 4.30	\$ 4.19
12	Frozen								
	BMC - Chicken Frankfurters - 340g	\$ 2.10	\$ 2.15	\$ 1.99	\$ 2.10	\$ 1.95	\$ 1.99	\$ 2.70	\$ 1.99
	Ayamas - Chicken Frankfurters - 340g	\$ 2.60	\$ 2.65	\$ 2.70	\$ 2.60	\$ 2.39	\$ 2.45	\$ 2.60	\$ 2.65
	BMC - Nuggets - 1kg	\$ 6.50	\$ 5.80	\$ 6.20	\$ 6.80	\$ 6.05	\$ 6.40	\$ 7.40	\$ 6.49
	Ayamas - Crispy Nuggets - 850g	\$ 8.60	\$ 8.95	\$ 8.99	\$ 8.50	\$ 7.90	\$ 8.10	\$ 9.40	\$ 8.80
	FARM'S Best Chicken Nuggets - 850g	\$ 8.00	\$ 5.60	\$ 5.60	\$ 8.50	\$ -	\$ -	\$ 5.90	\$ 5.49
	BMC - Chicken Burger - 900g	\$ 7.20	\$ 6.45	\$ 7.50	\$ 5.50	\$ 6.25	\$ 6.35	\$ 7.10	\$ 6.99
	PCS - Chicken Burger - 900g	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 9.60	\$ -
	BMC - Beef Burger - 900g	\$ 7.50	\$ 7.20	\$ 7.30	\$ 6.50	\$ 6.25	\$ 6.25	\$ 7.55	\$ 6.99
	PCS - Beef Burger - 900g	\$ 6.90	\$ 7.85	\$ 7.90	\$ 6.99	\$ -	\$ -	\$ 7.80	\$ 7.50
13	Infant Diapers								
	Drypers - Wee Wee Dry Newborn (Up to 5kg) - NB 28	\$ -	\$ 7.15	\$ -	\$ 7.20	\$ 7.50	\$ 7.50	\$ 7.80	\$ -
	Drypers Extra Large (12-17kg) - XL 36	\$ 12.90	\$ 12.70	\$ -	\$ 12.90	\$ 12.39	\$ 12.49	\$ 12.90	\$ 12.90
	Drypers Extra-Extra Large (15kg above) - XXL 16	\$ -	\$ 7.15	\$ -	\$ 7.20	\$ 7.50	\$ 7.50	\$ -	\$ -
	Drypers Large (9-14kg) - L 44	\$ 12.90	\$ 12.70	\$ -	\$ 12.90	\$ 12.39	\$ 12.49	\$ 12.90	\$ 12.90
	Drypers Medium (6-11kg) - M 28	\$ 7.50	\$ -	\$ -	\$ 7.20	\$ 7.50	\$ 7.50	\$ 7.80	\$ -
	Drypers Small (3-7kg) - S 32	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 7.20	\$ 7.50	\$ 7.50	\$ 7.80	\$ -
	Mamy Poko - Newborn (Up to 5kg) - NB 28+2	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 13.90	\$ -
	Mamy Poko Small (3-8kg) - S 44	\$ 14.70	\$ 12.80	\$ 14.70	\$ 12.99	\$ 13.99	\$ 13.99	\$ 13.90	\$ 12.80
	Sealer Extra Large (12kg above) - XL 44	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 15.40	\$ 14.50	\$ 14.90	\$ -
	Sealer Large (9-14kg) - L 50	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 15.40	\$ 14.50	\$ 14.90	\$ -
	Sealer Medium (6-11kg) - M 56	\$ -	\$ 14.70	\$ -	\$ -	\$ 15.40	\$ 14.50	\$ 14.90	\$ 14.90
	Sealer Newborn (Up to 5kg) - NB 48	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 8.30	\$ 7.70	\$ 7.70	\$ -
	Sealer Small (3-7kg) - S 62	\$ -	\$ 13.60	\$ -	\$ -	\$ 14.30	\$ 13.50	\$ 13.80	\$ -
	Sealer Sumo Extra Large (15kg above) - XXL 28	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 11.50	\$ -

BL	DESCRIPTION	FIRST EMPORIUM	HUA HO TANJUNG BUNUT	JAYA CENTREPOINT HYPERMART	SIFANA SON BHD	SIM KIM HUAT KILAP	SIM KIM HUAT SENGKURONG	SUPA SAVE & SMART	UTAMA GRAND SUPERSTORE SON BHD
	EQ Dry - Newborn (Up to 5kg) - NB 20/22	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 3.70	\$ 3.80	\$ 3.95	\$ 3.80	\$ -
	EQ Dry Small (3-7kg) - S 40	\$ -	\$ 7.80	\$ -	\$ 7.40	\$ 7.50	\$ 7.50	\$ 7.50	\$ 7.50
	EQ Dry Medium (6-11kg) - M 36	\$ -	\$ 7.80	\$ -	\$ 7.40	\$ 7.50	\$ 7.50	\$ 7.50	\$ 7.50
	EQ Dry Large (9-14kg) - L 48	\$ -	\$ 10.55	\$ -	\$ 10.90	\$ 10.95	\$ 10.49	\$ 7.50	\$ 10.50
	EQ Dry Extra Large (12-17kg) - XL 42	\$ -	\$ 10.55	\$ -	\$ 10.90	\$ 10.95	\$ 10.49	\$ 7.50	\$ 10.50
	EQ Dry Extra-Extra Large (15kg above) - XXL 24	\$ -	\$ 9.00	\$ 8.99	\$ 8.50	\$ 8.70	\$ 8.70	\$ 8.80	\$ 8.80
	Mamy Poko Medium (6-11kg) - M 38	\$ 14.70	\$ -	\$ 14.70	\$ 12.99	\$ 13.99	\$ 13.99	\$ 13.90	\$ 12.80
	Mamy Poko Large (9-14kg) - L 32	\$ 14.70	\$ 12.80	\$ 14.70	\$ 12.99	\$ 13.99	\$ 13.99	\$ 13.90	\$ 12.80
	Mamy Poko Extra Large (12-17kg) - XL 28	\$ 14.70	\$ 12.80	\$ 14.70	\$ 12.99	\$ 13.99	\$ 13.99	\$ 13.90	\$ 12.80
	Mamy Poko Extra-Extra Large (15kg above) - XXL 22	\$ -	\$ -	\$ 14.70	\$ 12.99	\$ 13.99	\$ 13.99	\$ 13.90	\$ 12.80
14	Instant Noodles								
	Indo Food Mee Goreng - 80g x 5	\$ 1.70	\$ 1.70	\$ 1.59	\$ -	\$ 1.55	\$ 1.55	\$ 1.60	\$ 1.55
	Maggi Ayam - 80g x 5	\$ 1.80	\$ 1.80	\$ 1.65	\$ 1.75	\$ 1.69	\$ 1.80	\$ 1.65	\$ 1.85
	Maggi Ayam - 80g x 5	\$ 1.50	\$ 1.40	\$ 1.29	\$ 1.35	\$ 1.39	\$ 1.49	\$ 1.35	\$ 1.39
	Maggi Curry - 80g x 5	\$ 1.50	\$ 1.40	\$ 1.29	\$ 1.35	\$ 1.39	\$ 1.49	\$ 1.35	\$ 1.39
	Indo Mee Goreng (Old Packaging) - 80g x 5	\$ -	\$ 1.40	\$ -	\$ 1.55	\$ 1.29	\$ 1.30	\$ -	\$ 1.40
15	Kaya Spread								
	Habib's Cap Kipas Ulang Sri Kaya - 240g	\$ 2.10	\$ 2.15	\$ 1.85	\$ 1.95	\$ 1.79	\$ 2.00	\$ 2.10	\$ 2.10
	Nora Kaya dengan telur Omega - 180g	\$ 1.40	\$ 1.30	\$ -	\$ 1.40	\$ 1.40	\$ 1.30	\$ 1.40	\$ 1.50
	Play Baseball since 1965 Spore - 200g	\$ -	\$ 0.95	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 1.00	\$ 0.99
	Glory Nyonya Kaya Coconut Jam - 250g	\$ 2.40	\$ 1.80	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 1.65	\$ -
16	Mayonaisse								
	Real Mayonaisse (Lady's Choice) - 230ml	\$ 2.75	\$ 2.70	\$ 2.39	\$ 2.60	\$ 2.60	\$ 2.70	\$ 2.90	\$ 2.99
	Real Mayonaisse (Lady's Choice) - 470ml	\$ 4.20	\$						

Tingkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai ASEAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 31 Januari. - Seramai 600 penuntut Sekolah Menengah Berakas (SMB) diberikan pendedahan dan disalurkan maklumat dengan lebih meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN yang diselenggarakan Jabatan Penerangan berlangsung di Dewan SMB, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pengetua SMB, Awang Abdullah bin Awang Ismail.

Taklimat menyentuh mengenali ASEAN yang diungkayahkan melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa yang juga selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN - COCI disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Awang Abdul Karim bin Hamdan.

Jerayawara tersebut disasarkan kepada para penuntut sekolah khususnya pelajar kerana mereka adalah golongan belia yang berperanan penting dalam memangkin hala tuju negara ini dalam mewarnai corak peradaban bangsa untuk membentuk generasi pelapis.

Ia juga dihasrat untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan penuntut-penuntut sekolah menengah mengenai ASEAN selain bagi mengenal pasti sejauh mana mereka mengetahui ASEAN dengan menanamkan kesedaran dan rasa milik dalam kalangan mereka sebagai satu masyarakat ASEAN, selaras dengan moto ASEAN, iaitu Satu Visi, Satu Identiti, Satu



PENGETUA Sekolah Menengah Berakas, Awang Abdullah bin Awang Ismail (depan, lapan dari kanan) selaku tetamu kehormat bergambar ramai bersama para pegawai Jabatan Penerangan dan juga pemenang kuiz.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Selain itu, taklimat juga menengahkan maklumat mengenai Wawasan 2035 selaras dengan

statistik perbandingan Negara Brunei Darussalam di arena serantau yang mana pengetahuan ini wajar diketahui oleh para penuntut bagi meningkatkan kesedaran tentang

perkembangan negara agar menjadi pencetus semangat bagi mereka untuk memajukan tanah air dengan lebih gigih supaya Wawasan 2035 dapat direalisasikan.

Jerayawara juga dimeriahkan dengan Kuiz Kenali ASEAN kepada para penuntut SMB.

Program tersebut merupakan salah satu usaha berterusan

Jabatan Penerangan dalam menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan dalam kalangan penuntut dalam sama-sama menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan.

Di samping itu, ia juga bagi mengukuhkan hubungan Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya para penuntut di negara ini.

Bahasa Inggeris mata pelajaran kukuh



PENGETUA Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna (SMPAPHM), Dayang Hajah Norwen binti Haji Ibrahim (kiri) dan Dayang Siti Fatimah @ Hani Marhani binti Zulsah (kanan), pelajar Tahun 10 Express di SMPAPHM ketika ditemui Pelita Brunei.

Berita dan Foto : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 31 Januari. - Seorang guru adalah pendidik, pembimbing dan pengajar di dalam kelas sekali gus juga bertugas membabitkan murid juga pelajar di sesebuah sekolah.

Guru juga bertanggungjawab terhadap masalah disiplin, kedisiplinan, kelakuan dan budi pekerti pelajar, yang mana jelasnya, guru adalah orang terpenting di setiap sekolah.

Pelita Brunei telah menemui Pengetua Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna (SMPAPHM), Dayang Hajah Norwen binti Haji Ibrahim dan meminta mengulas dengan lebih lanjut lagi mengenai perancangan sekolah berkenaan.

Beliau menjelaskan bahawa SMPAPHM memfokuskan pada beberapa aspek pembelajaran, iaitu Building Professional Learning Community, Improving Academic Achievement, Improving School Attendance dan Instilling School Values (2RT).

Pertama sekali katanya, Building Professional Learning Community

bertujuan untuk menghalusi perkembangan profesional guru dan meningkatkan pengajaran menerusi program 'Collegial Circle'.

"Improving Academic Achievement adalah untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran Matematik dan mencapai sebanyak 61 peratus daripada bilangan pelajar untuk mendapatkan lima kredit ke atas dalam peperiksaan BGCE 'O' Level / IGCSE 2017," ujarnya.

Menurutnya, Improving School Attendance pula fokus untuk mencapai sebanyak 95 peratus kehadiran kedatangan ke sekolah dan Instilling School Values bertujuan untuk memupuk 21st Century Skills serta nilai-nilai sekolah dengan menjaga persekitaran sekolah juga penglibatan dalam khidmat masyarakat (Values In Action - VIA).

Beliau menyatakan pencapaian sekolah dalam peperiksaan, alhamdulillah memang ada peningkatan dari tahun ke tahun terutama sekali dalam peperiksaan BGCE 'O' Level / IGCSE.

"Di sekolah ini, apa yang dapat dilihat ialah mata pelajaran Bahasa Inggeris merupakan mata pelajaran kukuh yang mampu diharungi oleh semua pelajar. Kami juga menyediakan program khas pada setiap Sabtu khusus untuk para pelajar Tahun 9, 10 dan Tahun 11. Program ini lebih berbentuk aktiviti yang boleh membantu meningkatkan pencapaian pelajar," katanya.

Selain itu, jelasnya, 'Yes I Can Programme' juga diperkenalkan, iaitu program berunsur motivasi yang direka khas untuk para pelajar dengan tujuan untuk melihat prestasi akademik mereka menerusi beberapa bengkel dan sesi dialog.

Bagi meningkatkan pencapaian Matematik, sekolah berkenaan menyediakan program-program seperti 'Mathematics in Action' untuk para pelajar Tahun 7; kelas tambahan matematik bagi pelajar Tahun 9 hingga Tahun 11 serta 'Mathematics Extra Class' dan 'Mental Mathematics' untuk seluruh pelajar.

Kesemua program ini terbukti membantu para pelajar yang lemah di dalam kelas serta meningkatkan prestasi mereka dan akhirnya berjaya meraih apa yang diinginkan.

Pelita Brunei juga sempat menemui salah seorang pelajar SMPAPHM, Dayang Siti Fatimah @ Hani Marhani binti Zulsah, pelajar Tahun 10 Express, yang mana beliau menegaskan bahawa tanggungjawab seorang pelajar itu banyak.

"Salah satu daripadanya adalah terhadap pihak sekolah. Sebagai seorang pelajar, kita haruslah menghormati pengetua dan guru-guru. Jika kita berbuat demikian, pengetua dan guru-guru akan berasa bahagia, lebih-lebih lagi jika kita tidak lupa untuk memberi assalam kepada mereka, menolong mengangkatkan buku-buku dan menghantar tugas tepat pada waktunya. Kita juga haruslah berdisiplin dan berbudi

Beri kesedaran jenayah kepada orang ramai

Siaran Akbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 31 Januari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) secara berterusan meningkatkan orang ramai mengenai kesedaran jenayah sama ada di kampung-kampung atau sekolah-sekolah kerajaan.

Menurut Siaran Akhbar PDB, pada 30 Januari lalu, Balai Polis Kampong Ayer telah dijemput untuk memberi Taklimat Kesedaran Jenayah di Sekolah Ugama Putat, Mukim Lumapas.

Hadir semasa taklimat tersebut, Guru Besar Sekolah Ugama Putat, Dayang Norwartini binti Haji Bungsu.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Menguasa Balai Polis Kampong Ayer, Inspektor Muhd. Marzuqi Koo bin Abdullah bersama anggota balai yang lain.

Ia diadakan sebagai salah satu aktiviti Pengawasan Kejiranan

di kampung tersebut juga memberi kesedaran mengenai jenayah yang melibatkan para remaja.

Pada sebelah tengah malam, Balai Polis Kampong Ayer juga mengadakan rondaan pencegahan jenayah bersama Pengawasan Kejiranan Kampung Sungai Bunga.

Rondaan tersebut diketuai oleh Pegawai Menguasa Balai Polis Kampong Ayer, Inspektor Muhd. Marzuqi Koo bin Abdullah bersama tujuh orang anggota polis dan Ahli Pengawasan Kejiranan kampung tersebut.

Rondaan dibuat di kawasan perairan Kampung Sungai Bunga bersama dengan Ahli Pengawasan Kejiranan, yang mana ia akan dapat mengurangkan aktiviti jenayah di kawasan kampung tersebut dengan penglibatan pihak polis bersama masyarakat.

bahasa," katanya.

Untuk meraih kejayaan ujarnya, restu dan doa daripada kedua ibu bapa juga adalah penting selain dari sokongan dan dorongan mereka, jangan pernah meninggalkan solat lima waktu dan sentiasa merasa rendah diri.

SMPAPHM telah dipindah dan ditempatkan di Kampung Sungai Akar, Jalan Utama Menteri sejak 5 November 2015, yang mana sekolah tersebut mempunyai seramai 790 pelajar yang merangkumi pelajar-pelajar dari Tahun 1 hingga Tahun 11 dan mempunyai seramai 102 orang guru.

Guru-guru dan para pelajar juga

aktif dalam aktiviti ko-kurikulum (CCA) seperti Kadet Tentera, Kadet Polis dan Pengakap.

Kejayaan yang diraih oleh SMPAPHM pada tahun 2016 ialah meraih Johan di Pertandingan Choral Speaking, BELTA 10th Anniversary Oratory Competition dan Perlawanan Badminton Single 'C'.

SMPAPHM mempunyai Visi, iaitu 'Membentuk insan berilmu, beriman dan berakhlak' dan Misinya pula 'Melahirkan pelajar puteri bersemangat waja, sedia memimpin dan berkhidmat'.

Visi dan Misi sekolah tersebut adalah amat sesuai dengan Moto sekolah, iaitu 'Berilmu dan beramal'.

Aktiviti riadah beri manfaat kesihatan

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 Januari. - Bersukan merupakan aktiviti riadah yang dapat mengeluarkan peluh daripada tubuh badan kita.

Malah, kerajaan menggalakkan rakyatnya sentiasa melibatkan diri dengan aktiviti sukan kerana melalui bersukan banyak faedah yang kita peroleh.

Salah satu daripada faedahnya ialah dapat menyihatkan tubuh badan, iaitu apabila kita melakukan aktiviti seperti berbasikal, bermain badminton dan sebagainya, badan akan mengeluarkan peluh dan berlaku pembakaran lemak dalam tubuh kita.

Kesannya, badan kita menjadi sihat dan cergas serta tidak berasa lesu ketika belajar di dalam kelas atau ketika membuat kerja di pejabat.

Melalui bersukan juga, kita dapat mengeratkan hubungan silaturahim dan menambah kenalan secara tidak langsung, kita dapat berkenalan dengan sesiapa sahaja tidak mengira umur, bangsa mahupun agama.

Kebiasaannya, ketika kita berjoging misalnya, kita akan bertegur sapa dengan individu yang berada di

kawasan itu dan hal ini akan mengeratkan hubungan dan perpaduan antara kaum dapat dipupuk.

Selain itu, bersukan juga merupakan aktiviti mengisi masa lapang secara bermanfaat. Sesi latihan permainan atau beriadah biasanya dijalankan ketika waktu lapang. Kesibukan kita menyertai sesi latihan dan beriadah dapat menghindarkan diri daripada terjebak dalam gejala sosial.

Muhammad Saifol Hazmi bin Haji Rosman ketika ditemui pada Ahad kelmarin berkata, melalui aktiviti bersukan atau beriadah ini, dapat mengeratkan lagi hubungan anak dengan ibu bapa kerana berpeluang untuk meluangkan masa bersama-sama setelah beliau dan isteri penat bekerja dan anak-anak bersekolah di hari-hari biasa.

Bersukan ujarnya, dapat merehatkan minda sekali gus dapat membuatkan diri berasa lebih cergas.

Secara kesimpulannya, tidak menjadi satu kerugian jika kita aktif bersukan kerana ia memberi manfaat kesihatan terhadap diri individu itu sendiri.



ANTARA aktiviti sukan yang diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin (bawah kiri dan atas).



Seorang warga Indonesia didakwa

Siaran Akhbar : Biro Mencegah Rasuah

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 31 Januari. - Seorang warganegara Indonesia, Dendi Nirwana telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan atas satu pertuduhan di bawah Bab 6(b) Akta Pencegahan Rasuah (Penggagal 131).

Siasatan yang dijalankan oleh Biro Mencegah Rasuah mendapati bahawa pada 15 Disember 2015, tertuduh dengan secara tidak jujur telah menawarkan wang suapan

berjumlah BND50.00 kepada seorang Pegawai Polis sebagai dorongan agar Pegawai Polis tersebut tidak mengambil tindakan ke atasnya kerana telah melakukan kesalahan trafik, iaitu memandu tanpa lesen yang sah.

Menurut Siaran Akhbar Biro Mencegah Rasuah semasa dihadapkan ke mahkamah, tiada pengakuan diambil daripada tertuduh.

Perbicaraan ditangguhkan bagi

memberikan tertuduh masa untuk mempertimbangkan pengakuan beliau.

Majistret Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid memerintahkan supaya tertuduh dilepaskan dengan ikat jamin berjumlah BND5,000.00 atau seorang penjamin tempatan, dengan syarat pasport defendan ditahan.

Kes tersebut akan disebut semula pada 27 Februari 2017.

Pendakwa Raya telah diwakili oleh Timbalan Pendakwa Raya, Sharon Yeo dari Jabatan Peguam Negara.

Warga Filipina dihadapkan ke mahkamah

Siaran Akhbar : Biro Mencegah Rasuah

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 31 Januari. - Seorang warganegara Filipina, Priscilla Topacio Verdad telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan atas satu pertuduhan di bawah Bab 6(b) Akta Pencegahan Rasuah (Penggagal 131).

Siasatan yang dijalankan oleh Biro Mencegah Rasuah mendapati bahawa pada 23 Julai 2012, di Tingkat 2 di Estate Management and Project Development Unit, Kementerian Kesihatan, tertuduh dengan secara tidak jujur telah memberi suapan berupa dua keping baucer minuman Hua Ho Department Store's yang berjumlah

BND19.00 kepada seorang pegawai kerajaan sebagai dorongan untuk memproses pembayaran projek pada Juredco Enterprise Co. Sdn. Bhd.

Menurut Siaran Akhbar Biro Mencegah Rasuah semasa dihadapkan ke mahkamah, tiada pengakuan diambil daripada tertuduh.

Perbicaraan ditangguhkan bagi memberikan tertuduh masa untuk mempertimbangkan pengakuan beliau.

Majistret Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid memerintahkan supaya tertuduh dilepaskan dengan ikat jamin berjumlah BND5,000.00 atau seorang penjamin tempatan, dengan syarat pasport defendan ditahan.

Kes tersebut akan disebut semula pada 27 Februari 2017.

Pendakwa Raya telah diwakili oleh Timbalan Pendakwa Raya, Sharon Yeo dari Jabatan Peguam Negara.



ePaper
Pelita Brunei

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

JUJUR, AMANAH, IKHLAS DALAM PERKHIDMATAN AWAM

دربیتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.